

# SOROTAN DARAT



T 3029

DIS 2000


JIL 2 BIL 36



JURNAL TENTERA DARAT MALAYSIA

## KANDUNGAN [CONTENTS]


Dari Meja Editor	2
Kejayaan Ronda Kumpulan Kecil Gerak Khas dalam Operasi Menentang Pengganas Komunis <i>Lt Kol Che' Hashim Ishak</i>	3
Analisis Perbandingan Mengenai Kejayaan dan Kegagalan Kuasa dalam Peperangan antara Amerika Syarikat dan Vietnam dengan Uni Soviet dan Afghanistan <i>Mej Che' Bakar Mohd Ariffin</i>	13
Kriteria Kepimpinan Melalui Lunas-lunas Islam: Dari Kaca Mata Seorang Soldadu <i>PW II Ramli Agus</i>	24
Defence Diplomacy in the 21st Century Environment <i>Kol Zubir @ Zubin Yahya</i>	31
Commanders in the New Millennium - A Contemporary View <i>Mej A Endry Nixon</i>	40
Sejauh Manakah Kesan Peperangan Maklumat (IW) Terhadap Keselamatan Negara <i>Kapt Mhd Azam Basiron</i>	47
Combating Road Traffic Accidents in the Malaysian Army: The Role of the Royal Medical Corps <i>Kol (Dr) Arichandra al Nadarajah</i>	60
Artikel Terbaik Jurnal Sorotan Darat Edisi 35	66
Peranan Budaya Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Dalam Pasukan-Pasukan Tentera Darat <i>Mej Nik Mohnawi Nik Othman</i>	67
Ke arah Pengiktirafan Kursus-kursus Di dalam ATM <i>Kapt Mohd Pauzi Deris</i>	76
The War for the Mind of Man – The Grand Design <i>Lt Kol Amiruddin Hj Ismail</i>	88
The Concept of Military Discipline in the Military <i>Lt Kol Jeyabalan S</i>	99



Sumbangan  
Jabatanarrah SOPASUS



Muka Surat  
64



Muka Surat  
99

# KEJAYAAN RONDA KUMPULAN KECIL GERAK KHAS

## Dalam OPERASI MENENTANG PENGGANAS KOMUNIS

Oleh: Lt Kol Che Hasim bin Ishak

### PENDAHULUAN

 sejarah peperangan menentang pengganas komunis di negara ini telah memberi banyak pengalaman kepada pasukan keselamatan, khususnya Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Kesannya juga telah membawa banyak perubahan terhadap struktur organisasi dan peralatan yang telah diserapkan menjadi organik kepadanya. Senjata-senjata moden ketika itu, teknik-teknik baru, serta penubuhan kumpulan khas antigerila telah diakui sebagai pembaharuan yang mutlak bagi meningkatkan lagi daya tempur dan kecekapan pasukan keselamatan kita dalam menangani permasalahan ini. Justeru itu, ia memperkuuhkan lagi benteng pertahanan negara daripada ancaman militan pengganas komunis.

Kumpulan khas antigerila atau lebih kerap dikenali sebagai 'counter-guerilla force' bukanlah suatu kumpulan dan teknik peperangan yang baru wujud. Dalam bukunya '*The Guerilla Reader*', Walter Laquer menyatakan bahawa kewujudan kumpulan dan teknik peperangan antigerila ini adalah serentak dengan pewujudan peperangan gerila itu sendiri.

Menurutnya:

"Sebenarnya peperangan gerila adalah sama tua dengan gunung-ganang dan lebih awal daripada peperangan biasa (*regular warfare*). Sepanjang sejarah, peperangan gerila telah dilancarkan oleh kumpulan-kumpulan yang lemah terhadap tentera penceroboh dan oleh tentera regular yang melancarkan gerakan di belakang kawasan musuh ...."

Dalam zaman moden, kita dapat banyak kumpulan antigerila telah ditubuhkan untuk menentang gerila. Semasa peperangan di Indochina, pihak Perancis telah menukuhan kumpulan '*Composite Airborne Commando Group*'. Di Algiers terdapat '*Force K*' yang diketuai oleh Kobus, seorang gerila yang telah ditawan dan kemudiannya dibebaskan. Pihak British pula telah menubuhkan '*The Long Range Penetration Group*' di Myanmar, manakala Amerika Syarikat telah menempatkan '*Special Forces*' dalam tugas ini di Vietnam. Bolehlah disimpulkan bahawa penubuhan kumpulan khas antigerila merupakan satu doktrin dalam keseluruhan konsep peperangan ini. Tiada tentera yang boleh dianggap lengkap tanpa pasukan kecil dalam masa peperangan kerana ia bergantung kepadanya bukan sekadar apa yang boleh atau tidak boleh dilakukan tetapi di atas unsur daya tahannya.

Tugas-tugas yang dilaksanakan oleh kumpulan khas antigerila ini merupakan tugas-tugas perisikan yang kemudiannya diperkembangkan ke arah perisikan dan pertempuran. Perkembangan terakhir adalah untuk menubuhkan suatu kumpulan antigerila di kalangan penduduk awam, mengembangkannya dan melaksanakan tugas perisikan dan tempur, berasingan dengan tentera biasa atau seperti mana diarahkan oleh panglima tertinggi sesuatu angkatan tentera. Dalam konteks ATM, penubuhan kumpulan khas ini adalah untuk membantu kumpulan-kumpulan induk dalam mengumpul maklumat mengenai penganas komunis dan bertindak menghapuskan jika diperkirakan wajar.

Sungguhpun masih di peringkat usia muda dan memerlukan banyak tunjuk ajar dan bimbingan, kumpulan khas ini terutamanya Ronda Kumpulan Kecil (RKK) unit-unit Gerak Khas telah membawa kejayaan cemerlang yang mengharumkan pasukannya. Dari tahun 1974 hingga 1977, pasukan ini telah berjaya bertembung dengan penganas komunis sebanyak lima kali dengan membunuh tujuh orang dan menawan seorang daripada mereka semasa ditugaskan di bawah Rejimen Khas Perisikan Tentera (RKPT). Selain daripada kejayaan-kejayaan yang dihebahkan, banyak lagi kejayaan lain yang tidak dihebahkan kepada umum, termasuklah tugas pengintipan dan penggeledahan kawasan yang telah dilaksanakan dengan cemerlang. Kejayaan RKK unit-unit Gerak Khas pada masa lampau membuktikan bahawa ia mempunyai kemampuan yang tinggi untuk bertindak ke sasaran-sasaran tertentu dengan kesannya sejajar atau kadangkala melebihi kemampuan pasukan-pasukan besar. Persoalannya apakah unsur-unsur operasinya sehingga mampu mencapai kejayaan sedemikian.

## FAKTOR KEJAYAAN RKK

### UNSUR-UNSUR KEJAYAAN

Kejayaan sesuatu operasi yang dilaksanakan bergantung kepada faktor semasa dan faktor khusus. Faktor semasa yang bersesuaian dan beberapa faktor khusus yang diamalkan oleh kumpulan ini akan mempengaruhi hasil yang akan dicapai. Ini dapat dilihat dalam operasi yang telah dilaksanakan oleh RKK.

**Faktor Semasa.** Faktor semasa boleh mempengaruhi kejayaan sesuatu operasi yang dilaksanakan. Ia perlu diambil kira sebelum sesuatu operasi itu dilancarkan dengan memberikan pertimbangan yang sewajarnya. Walau apa pun faktor semasa ini, ia dianggap sebagai faktor yang sama pentingnya dengan faktor khusus dan ini tidak perlu dibuat penjelasan lanjut dalam penulisan ini. Faktor semasa yang telah secara langsung membawa kepada kejayaan yang dicapai oleh kumpulan RKK adalah seperti berikut:

- \* Keanggotaan kumpulan ini adalah terdiri daripada anggota-anggota yang terlatih dan berpengalaman.
- \* Ketua yang '*mission oriented*'.
- \* Perhubungan dengan Sel Perisikan Pasukan Polis Diraja Malaysia yang harmonis.
- \* Kepercayaan dan keyakinan pihak atasannya terhadap kebolehan kumpulan ini.

**Faktor Khusus.** Faktor khusus kepada kejayaan operasi RKK perlu dibuat

pertimbangan dengan rapi. Faktor ini secara langsung akan membawa kepada kejayaan kumpulan RKK kerana wujudnya perisikan yang tepat, rancangan yang teliti dan latihan yang bersesuaian.

### PERISIKAN YANG TEPAT

Perisikan yang tepat akan membawa kepada kejayaan operasi RKK. Pada kebiasaannya maklumat yang diterima daripada Cawangan Khas tidak mencapai taraf yang dikehendaki. Pada asasnya, apa yang disalurkan oleh sistem pasukan Polis adalah bayangan (*hint*) bahawa sesuatu sasaran akan melewati sesuatu tempat pada suatu masa yang akan datang. Apa yang kita kehendaki ialah kenyataan yang tepat, contohnya; ‘ada suatu sasaran yang sedemikian rupanya akan melewati sesuatu tempat khusus pada jam 0035’. Dengan kenyataan yang tepat seperti inilah yang membolehkan satu keputusan yang tepat dibuat dan ia akan membawa hasil yang dikehendaki. Oleh itu hubungan yang harmonis dengan pihak Cawangan Khas amat diperlukan dalam menentukan perisikan yang tepat dapat diperolehi. Sebenarnya kadangkala, fakta-fakta yang diberikan itu merupakan ‘information’ semata-mata dan penilaian hanya dibuat mengikut pendapat seseorang yang tidak mengikut proses perisikan sebenar. Seringkali maklumat seperti ini diterima dan RKK pula diminta untuk bertindak. Tetapi disebabkan adanya unsur perhubungan ini dan kepercayaan pihak atasan, maka penugasan seperti ini ditolak. Sebaliknya pihak Cawangan Khas diminta untuk

*Kejayaan RKK unit-unit Gerak Khas pada masa lampau membuktikan bahawa ia mempunyai kemampuan yang tinggi untuk bertindak ke sasaran-sasaran tertentu dengan kesannya sejajar atau kadangkala melebihi pasukan-pasukan besar.*

menghidupkan maklumat itu mengikut saluran mereka dan RKK akan membuat perisikan nilai taktikal. Mengikut hitung panjang, kumpulan RKK berjaya menyimpan inisiatif sehingga ke saat akhir dan sekiranya perlu bertindak tidaklah lagi merabara-rabara seperti di dalam kegelapan atau masih samar-samar.

### RANCANGAN YANG TELITI

Tidak dapat disangkalkan bahawa perisikan yang tepat dan pada masa yang sesuai adalah mutlak bagi kejayaan sesuatu operasi kerana dengannya sahajalah kita dapat menguasai serta menghidupkan unsur-unsur inisiatif dan kejutan terhadap musuh. Namun begitu, kerap juga berlaku operasi-operasi yang tidak mencapai hasil walaupun ia dilancarkan hasil daripada perisikan yang tepat. Di sinilah pentingnya unsur sesuatu rancangan yang dibuat mestilah dengan teliti. Berdasarkan kepada perisikan yang diperolehi untuk membentuk sesuatu rancangan yang teliti merupakan suatu perkara yang mesti dikaji dengan mendalam. Adalah tidak benar jika dikatakan bahawa di peringkat kumpulan kecil, rancangan-rancangan yang akan diatur tidak memerlukan suatu penilaian keadaan (*appreciation*). Sebaliknya, penilaian di peringkat ini perlu diperincikan sehingga setiap individu, senjata dan pertukaran rupa bentuk tanah atau tumbuh-tumbuhan dipergunakan dengan cara berkesan. Yang paling penting ialah membuat penilaian atau ‘assessment’ yang tepat mengenai musuh dan mengatur suatu rancangan yang paling tidak diduga oleh mereka, walaupun ia memberi

tekanan fizikal dan mental kepada anggota-anggota. Di sinilah pentingnya semangat yang kental dan kecekapan yang luhur oleh setiap individu. Sesuatu rancangan itu boleh disifatkan sebagai teliti setelah perkara-perkara yang tersebut di atas ditanamkan ke dalam kepala sendiri beberapa kali yang boleh, sehingga segala tindak-tanduk pengganas komunis dan pasukan sendiri tidak boleh tidak supaya mendatangkan hasil yang dicita-citakan.

### LATIHAN YANG BERSESUAIAN

Tugas mencari perisikan mengenai pengganas komunis dan bertindak menghapuskannya, jika difikirkan sememangnya merupakan suatu tugas yang berat dan berbahaya untuk dilaksanakan oleh suatu kumpulan kecil. Tugas ini bukannya tidak dapat dilaksanakan oleh kumpulan besar, tetapi ia dianggap lebih berkesan jika dilakukan oleh kumpulan yang kecil. Ini kerana kumpulan ini telah diberi latihan khas. Sungguhpun tidak dinafikan bahawa kumpulan-kumpulan ini telah diberi latihan terperinci dari segi taktik, teknik dan konsep operasi kumpulan kecil, tetapi untuk ditugaskan di dalam bidang 'countergang' ia masih memerlukan pendedahan yang lebih.

Dalam melatih kumpulan RKK melaksanakan tugas ini, faktor utama yang ditekankan ialah berperanan dengan unsur yang sama. Latihan-latihannya bermatlamat untuk mengatasi kepintaran pengganas komunis di dalam peperangan mereka sendiri. Yang dimaksudkan dengan unsur ini ialah seperti kata Sir Robert Thomson:

"Memasukkan pasukan tentera ke dalam unsur yang sama dengan pengganas komunis, samalah seperti diibaratkan mengambil tindakan ke atas seekor kucing jantan yang buas di suatu lorong. Adalah

kurang bijak jika suatu pasukan besar (seekor anjing garang) dimasukkan. Anjing garang ini tidak akan menjumpai kucing jantan, jika bertemu sekalipun kucing jantan tadi akan lari memanjat pokok dan anjing garang itu akan berakhir dengan mengejar kucing betina. Tindakan yang tepat adalah dengan memasukkan seekor kucing jantan lain yang lebih garang. Kedua-dua kucing jantan itu tidak dapat tidak akan bertemu di antara satu sama lain kerana mereka mempunyai unsur yang sama dan mempunyai tujuan hidup yang sama - yang lemah di antara keduanya akan musnah".

Kata-kata ini membawa erti yang sangat mendalam. Jika diibaratkan pengganas komunis itu sebagai seekor kucing jantan, maka pasukan-pasukan keselamatan pula harus dapat menyamar sebagai seekor kucing jantan yang lebih garang. Kesimpulan kiasan ini membawa erti bahawa dalam merancang strategi dan taktik, prinsip asas perlu dipatuhi dengan berdasarkan unsur yang sama dengan pengganas komunis itu dan tujuannya adalah untuk memusnahkan mereka dengan unsur-unsur mereka sendiri. Sir Robert Thomson ada mengemukakan tiga unsur seperti berikut:

- \* Kawasan-kawasan yang dihuni penduduk (*populated areas*) termasuk pangkalan-pangkalan sementara dari mana musuh memperolehi pembekalan utama.
- \* Kawasan-kawasan yang tidak dihuni atau zon-zon peperangan (*war zones*) di mana mereka mendapat perlindungan dan melatih kumpulan-kumpulan perlindungan.
- \* Kawasan-kawasan perhubungan mereka (*communication areas*) terutamanya kawasan-kawasan di antara pangkalan sementara dengan kawasan perlindungan.

Ketiga-tiga unsur yang dikemukakan oleh Sir Robert Thomson masih belum lengkap. Ia boleh disimpulkan lagi sebagai unsur strategi, iaitu unsur semata-mata. Jika mengikut kiasan ‘kucing jantan di suatu lorong itu’, hanya kawasan berkeliaran kucing jantan itu sahaja yang diketahui, tetapi yang lebih penting adalah setelah mengetahui tempat-tempatnya, bagaimanakah cara untuk menumpaskan taktiknya.

Tidak dinafikan bahawa unsur strategi seperti mana yang disarankan oleh Sir Robert Thomson memang telah diamalkan oleh pasukan keselamatan sejak peperangan mula dilancarkan, tetapi unsur taktik masih belum dilaksanakan mengikut teori unsur yang sama. Untuk mencapai matlamat ini, adalah mustahak untuk memerangi musuh itu dengan cara peperangan mereka sendiri terhadap kita. Misalnya, dengan tidur di tempat-tempat yang tersebunyi, bergerak dari ‘water point to water point’, bergerak di waktu malam, tidur di waktu siang, mengawasi kawasan ternakan dan tanaman yang menjadi sumber utama makanan dan membawa radio bimbit sebagai satu-satunya sumber perhubungan. Hakikatnya semua ini menjurus kepada mewujudkan pengorbanan, peralatan, daya usaha, tekanan jiwa dan jasmani yang sama seperti yang ada pada dan dialami oleh pengganas itu sendiri. Ini bermakna cara hidup dan operasi pasukan kita mesti sama dengan cara hidup dan operasi pengganas komunis.


Pendapat-pendapat yang diberikan oleh tokoh terkenal ini telah mendapat perhatian yang mendalam dalam penulisan ini. Namun demikian, untuk melatih anggota-anggota dalam konsep ‘countergang’ yang menyeluruh adalah wajar mereka itu terlebih dahulu dilatih dalam konsep peperangan gerila itu sendiri. Ini akan memakan masa yang panjang kerana faktor masa yang tidak mengizinkan, hanya langkah penyesuaian sahaja yang dapat dilaksanakan.

Langkah pertama ialah mengenali musuh berserta dengan sifat dan unsur operasinya. Langkah kedua ialah pengubahsuaian unsur latihan dan operasi kumpulan untuk ditandingkan dengan musuh. Amalan ini diasaskan daripada kata-kata Sun Wu Tzu iaitu ‘Kenali musuh kamu dan kenali diri kamu, nescaya kamu akan dapat berperang dalam seratus pertempuran tanpa bencana’.

Unsur gerila yang mutlak seperti kata Yank Bert Levy ialah ‘*caution, invincibility and surprise*’, atau dalam bahasa Malaysia ianya bermaksud ‘kewaspadaan, ketidakterkalahkan dan kejutan’. Ini ialah unsur-unsur utama yang dianut oleh pengganas komunis sehingga mereka dapat hidup ‘di bawah batang hidung kita’. Untuk mendalami unsur-unsur pengganas ini di kalangan anggota-anggota kita dan seterusnya mengekplorasi unsur-unsur ini untuk kepentingan kumpulan, latihan-latihan perlu dicorakkan untuk mengatasi kepintaran mereka.

### UNSUR KEWASPADAAN

Unsur kewaspadaan yang diamalkan oleh pengganas sama pentingnya kepada pasukan kecil. Namun begitu, sebagai anggota RKK, dengan mengamal sikap berwaspada sahaja tidak mencukupi kerana tugas-tugas khusus akan bergantung kepada kecekapan individu dalam menentukan kejayaannya. Sikap yang lebih baik ialah sikap berdikari, yang dengan sendirinya merangkumi unsur-unsur kewaspadaan, kemahiran di dalam tugas dan keyakinan pada diri sendiri. Latihan-latihan yang dicorakkan ini adalah untuk mengatasi sifat-sifat gelabah dan gementar serta dapat berfikir dengan rasional dan waras dalam menghadapi keadaan yang genting.



Latihan yang mantap dan bersesuaian amat diperlukan untuk membuatkan hasil yang membanggakan.

Untuk mencapai tahap berdikari, latihan-latihan hendaklah diberi penekanan kepada kemahiran individu. Semua anggota mesti diberi didikan sehingga mereka pakar dalam subjek-subjek berikut:

- \* Membaca peta dan kompas.
- \* Pandu arah di waktu malam dengan menggunakan kompas.
- \* Pergerakan siang dan malam cara ingatan dengan menggunakan kesan-kesan semula jadi.
- \* Anggota-anggota yang mempunyai latar belakang penyamaran dalam semua keadaan seperti penoreh getah, pembalak, pemandu, buruh juru ukur, buruh perhutanan dan bidang-bidang pekerjaan lain akan memberi '*added advantage*'. Bagi anggota-anggota yang boleh betutur dalam bahasa-bahasa Cina dan loghat tempatan hendaklah diberi keutamaan di dalam pemilihan anggota RKK.

\* Latihan pengendalian senjata dan alat-alat letupan bukan hanya sekadartahu menggunakan nya secara konvensional sahaja, malah meliputi cara-cara yang tidak lazim digunakan.

\* Ikhtiar hidup dalam erti kata mampu untuk melaksanakan tugas bersendirian di tempat-tempat sukar seperti di dalam lubang, atas pokok, dalam paya dan tempat-tempat lain yang mementingkan cara hidup begini bagi menyempurnakan tugas.

- \* Menembak cara bebas.
- \* Penilaian keadaan taktikal.

\* Ujian terakhir ialah ujian amali serang hendap individu, dalam keadaan yang luar biasa yang mementingkan kepada aplikasi semua subjek yang diajar amatlah penting.

### UNSUR KEJUTAN

Unsur kejutan memang telah dibuktikan oleh pengganas. Mereka telah berkali-kali dan secara tiba-tiba menyerang hendap pasukan keselamatan dan ini telah mengorban serta mencederakan sebilangan anggota tentera. Mereka dapat mencapai unsur ini kerana mereka mengetahui kelemahan dan kekuatan pasukan keselamatan. Pengalaman mereka yang begitu lama menentang pasukan keselamatan telah mengajar mereka bagaimana untuk mengatasi pasukan yang lebih kuat daripada mereka. Justeru itu, mereka tahu memilih dengan tepat sasaran, tempat dan masa yang sesuai untuk bertindak dan memeranjatkan kumpulan

pasukan keselamatan yang disasarkan. Pasukan keselamatan hanya dapat memerhatikan sahaja tanpa boleh berbuat sesuatu untuk mengatasinya.

Usaha-usaha ke arah memerlukatkan pengganas dengan memasang perangkap seperti serang hendap dan lain-lain seringkali tidak mendatangkan hasil sebagaimana yang dikehendaki. Ini disebabkan penggunaan cara konvensional seperti '*area ambush*' dan '*linear ambush*' yang sememangnya amat difahami oleh pengganas komunis. Oleh itu, mereka dapat mengelakkan diri mereka daripada perangkap-perangkap pasukan keselamatan. Langkah yang sepatutnya diambil bagi mencapai unsur kejutan ke atas pengganas komunis ini adalah dengan mengubah corak yang sedia ada kepada corak yang tidak lazim di dalam cara memasang perangkap. Sebenarnya taktik serang hendap ini tidak seharusnya tertakluk kepada dua cara yang pernah diperturunkan. Banyak lagi cara lain yang boleh diikhtiaran demi untuk mencapai kejayaan. Latihan ke arah ini merupakan latihan akal yang digalakkkan untuk berfikir dan berikhtiar menggunakan sesuatu cara yang tidak lazim bagi menyempurnakan sesuatu permasalahan taktikal. Ia dilaksanakan dengan cara berbincang dan setiap individu diberi peluang untuk mempraktikkan cara yang dirancangkannya. Dengan latihan yang sedemikian rupa, setiap anggota RKK tidak akan bertindak secara '*orthodox*' atau cara konvensional dan dengan sendirinya ia tidak akan ketandusan dengan idea-idea baru yang praktikal.

### UNSUR KETIDAKTERKALAHKAN

Unsur ketidakterkalahan yang sentiasa diamalkan oleh pengganas komunis ialah mereka sentiasa berwaspada dan berhati-hati dalam semua gerak geri dan tindakan mereka sehingga tidak dapat dikesan serta diketahui oleh pasukan

keselamatan. Unsur yang paling berkesan untuk mendedahkannya ialah perisikan. Namun hanya perisikan semata-mata tanpa mengenali pengganas komunis pula akan pincang dan tidak lengkap untuk membuat perancangan yang teliti. Oleh itu, demi untuk mendedahkan unsur ketidakterkalahan pengganas komunis itu ialah dengan mengenali pengganas komunis secara terperinci supaya kita tidak perlu melihat untuk mengetahui apa yang dan akan dibuat oleh mereka, tetapi cukup dengan tandatandanya sahaja. Pengetahuan anggota mengenai pengganas komunis amat penting sekali. Mengenalinya tidaklah bermaksud hanya mengetahui bahawa sesuatu unit pengganas komunis bertugas di sesuatu kawasan tetapi yang lebih mustahak adalah unsur-unsur operasi kumpulan pengganas komunis tersebut. Walaupun tidak dinafikan bahawa secara amnya, unsur-unsur operasi pengganas komunis itu agak sama, namun begitu ia pasti akan ada perbezaan dalam bidang-bidang tertentu yang mana ia tertakluk kepada kawasan operasi dan kepimpinannya. Pentingnya mengenali pengganas komunis itu dalam tugas-tugas khusus tidak perlu dijelaskan lagi.

Suatu perkara dalam unsur ketidakterkalahan yang tidak dapat dihindari diketahui oleh pengganas komunis ialah kehadiran pasukan keselamatan dalam sesuatu kawasan operasi. Boleh dikatakan kehadiran pasukan keselamatan dalam sesuatu kawasan operasi itu dapat diketahui dan dikesan oleh penduduk tempatan dan sudah pasti ia akan diketahui juga oleh pengganas komunis. Ini adalah berdasarkan kepada kesan-kesan yang dibuat yang amat nyata dapat dilihat, didengar dan dihidu. Kesan pada jejak-jejak pergerakan, tempat rehat dan pangkalan dapat dilihat dengan nyata. Kesan bunyi semasa bergerak dan berada di pangkalan dapat didengar dengan jelas. Kesan bau dapat dihidu semasa memasak, mandi, merokok dan bergerak. Dengan itu, operasi-operasi yang dijalankan sentiasa tidak

mendatangkan sebarang hasil yang diharapkan. Untuk mengatasinya, operasi-operasi RKK perlulah disebatikan dengan alam semula jadi dan semua anggota sentiasa menjaga tatususila agar tidak memberi kesan penglihatan, pendengaran dan bau kepada pihak penganas komunis dan ini dapat mengurangkan kesan kehadiran mereka dalam sesuatu kawasan operasi.

## ULASAN


Unsur-unsur khusus yang memberi kejayaan kepada RKK unit-unit Gerak Khas bukanlah unsur-unsur baru atau ganjil, malah ia telah terlalu sering dilaung-laungkan oleh banyak pihak dalam taktik peperangan antigerila. Namun begitu, tidak semua pihak menilai unsur-unsur itu dan mengamalkannya. Sebagai contoh:

- \* **Perisikan.** Oleh kerana terlalu inginkan kejayaan, seseorang pemerintah akan mengambil tindakan tergesa-gesa apabila mendapat sesuatu maklumat mengenai penganas komunis. Akibatnya, tindakannya itu berkesudahan dengan bencana atau kegagalan. Sepatutnya beliau meneliti maklumat itu dan merujukkannya kepada pihak-pihak tertentu, sehingga mendapat penilaian setepat-tepatnya mengenai apa yang dibuat oleh penganas, apa yang akan dilakukannya, di mana, bila dan bagaimana sesuatu tindakan akan dilakukan. Dengan ini barulah beliau dapat

menyusun sesuatu tindakan yang berkesan. Barulah boleh dikatakan beliau menghidupkan inisiatif yang merupakan suatu unsur yang paling penting diamalkan di dalam peperangan antigerila.

- \* **Rancangan Teliti.** Rancangan-rancangan di peringkat strategi dan 'grand tactics' telah mendapat sanjungan dan diteladani oleh negara-negara lain yang memerangi penganas. Namun begitu, kelemahan kita adalah di peringkat 'minor tactics' yang terlalu ketara. Sudah kerap berlaku sesuatu serangan ke atas khemah penganas komunis dan serang hendap yang dirancangkan berdasarkan maklumat yang tepat sebaliknya mendatangkan keputusan yang amat mengecewakan. Di manakah letaknya kelemahan kita? Jawapannya ialah kerana rancangan-rancangan yang dibuat itu berupa rancangan konvensional dan 'orthodox' yang telah hilang 'tactical value', inisiatif dan kejutan kerana faktor semasa. Rancangan-rancangan sebegini dapat diduga oleh penganas komunis kerana ia sudah sering dilaksanakan hingga ia menjadi lapuk. Kepada RKK, rancangan-rancangan sebegini misalnya, 'area ambush' atau 'linear ambush', bukan lagi merupakan sesuatu rancangan malahan ia merupakan suatu kawad. Apabila menghadapinya, mereka akan mengubahsuai kawad tersebut mengikut keadaan berdasarkan kepada apa yang mereka pelajari untuk dipadankan dengan keadaan semasa dan setempat dari segi taktik dan tekniknya.

- \* **Latihan Bersesuaian.** Latihan-latihan pada



**Pengalaman  
mereka yang  
begitu lama  
menentang  
pasukan  
keselamatan ...  
mereka tahu  
memilih dengan  
tepat sasaran  
tempat dan masa  
yang sesuai untuk  
bertindak ....**

keseluruhannya menjurus kepada taktik konvensional dan mengaplikasikan cara ini kepada keadaan sebenar, iaitu peperangan antigerila. Ia tidak mudah mendatangkan hasil kerana perbezaan unsur-unsur peperangan itu sendiri. Kata kiasan 'It takes a thief to catch a thief' tidak akan timbul jika tidak ada kebenarannya. Memandangkan permasalahan ini adalah masalah tidak konvensional, iaitu peperangan gerila, maka langkah-langkah yang diambil hendaklah mirip kepada aspek tidak konvensional yang mana ia lebih realistik ke arah itu. Misalnya latihan menembak di lapang sasar 400 meter tidak boleh dijadikan ukuran kemahiran seseorang penembak kerana dalam keadaan sebenar sesuatu pertempuran itu berlaku dalam lingkungan jarak 35 meter dan pengganas komunis akan berlari menghilangkan diri dengan begitu pantas sekali. Begitu juga dengan latihan serangan 'left or right flanking

'assault' tidak boleh dijadikan atas latihan kerana dalam keadaan sebenar pengganas akan bertempiaran menyelamatkan diri apabila dikejutkan atau diserang.

## PENUTUP

Kejayaan RKK unit-unit Gerak Khas di dalam operasi-operasi di masa-masa yang lampau membuktikan bahawa dengan mengamalkan unsur-unsur semasa dan khusus yang tertentu serta bersikap realistik kepada permasalahan yang dihadapi telah dapat melaksanakan tugas-tugas ini dengan cemerlang sekali. Pengalaman dan teladan yang dibentangkan patut dicontohi malahan diperbaiki demi kejayaan operasi-operasi akan datang yang mungkin melibatkan pasukan ATM demi untuk mempertahankan keutuhan negara yang tercinta ini.

## BIBLIOGRAFI

Walter Laquer, The Guerilla Reader, The New American Library, Inc, New York.

Sir Robert Thomson, Defeating Communist Insurgency: Experiences from Malaya and Vietnam, Chatto and Windus, London 1972.

Sun Wu Tzu, The Art of War, Translated by Samuel B Geriffin, London, Oxford University Press, 1963.

'Yank' Bert Levy, Guerilla Warfare, London 1942.

D Reitz, Commando, London, 1942.

John Ellis, From the Barrel of a Gun, Published by Green Hill Books, 1995.

Edgar D' Balance, Malaya: The Communist Insurgent 1948-1960.



Lt Kol Che Hasim bin Ishak telah ditauliahkan ke dalam Rejimen Gerak Khas pada 25 Apr 74. Beliau telah mengikuti kursus di dalam dan di luar negara dan menghadiri MPAT pada tahun 1995. Beliau merupakan pegawai kanan yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas dalam Peperangan Melawan Insurgensi. Sepanjang perkhidmatan, beliau telah menjawat pelbagai jawatan penting termasuk sebagai Pegawai Memerintah 11 RGK, Pengarah Gerak Khas, Ketua Jurulatih PULPAK, Juruarah MTAT dan kini menjawat jawatan Ketua Sel Operasi, Pasukan Khusus (SOPASUS) di Markas Tentera Darat.

*'Kecelakaan besar orang-orang yang curang (dalam timbang dan sukatan) iaitu mereka yang apabila menyukat (gantang cupak) dari orang lain, mereka mengambilnya dengan cukup. Dan (sebaliknya) apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain mereka kurangi. Tidaklah mereka menyangka bahawa mereka akan dibangkitkan ? Pada hari Qiamat yang amat besar (huru haranya), Hari berdiri manusia untuk mengadap Tuhan sekalian alam'.*

*Surah Al-Mutaffifin ayat 1-6*

# Analisis Perbandingan Mengenai Kejayaan Dan Kegagalan Kuasa Dalam Peperangan

## Antara

# Amerika Syarikat di Vietnam Dan Uni Soviet Dengan Mujahidin di Afghanistan

Mej Che' Bakar bin Mohd Ariffin

### PENDAHULUAN

**E**ra Perang Dingin banyak memperlihatkan penggunaan kuasa oleh dua kuasa besar di dunia iaitu Amerika Syarikat (AS) dan Uni Soviet. Banyak penggunaan kuasa yang dominan dan signifikan di kalangan dua 'superpower' ini lebih berbentuk penggunaan kuasa tentera yang bercorakkan kekerasan (*use of force*). Kebanyakan punca meletusnya konflik dan peperangan adalah hasil daripada polisi dua kuasa besar ini yang ingin memperluaskan pengaruh dan ideologi masing-masing. AS bertujuan untuk menyekat kemaraan ideologi komunis tersebar luas ke negara lain terutama di negara baru mencapai kemerdekaan iaitu Negara Dunia Ketiga. Demi untuk membendung pengaruh ini tersebar secara luas ke negara berhampiran, AS telah melaksanakan '*containment policy*' ke atas sesebuah negara. Bagi pihak lawannya Uni Soviet, dasarnya ialah untuk menyebar ideologi komunis ke merata negara dan sekaligus

meluaskan pengaruhnya untuk menjadi satu kuasa yang dominan di dunia dan melenyapkan kuasa demokrasi AS.

Ketika itu '*Domino Theory*' sentiasa berada dalam pemikiran setiap pemimpin negara di dunia terutama negara-negara sekutu AS. Sekiranya pengaruh ini berjaya dibendung ia merupakan satu kejayaan besar bagi negara-negara itu dan AS. Di samping itu juga dua kuasa besar ini sering mencari tapak yang sesuai dan kukuh di setiap negara untuk meluaskan pengaruhnya sebagai negara 'satellite' yang dapat mengekalkan dan mengawasi pengaruh dan kuasa mereka. Gambaran ini jelas mengikut John Collins dalam konsep '*Grand Strategy*' sebagai meneruskan dan mementingkan kepentingan mereka.

### KONSEP KUASA

Sebelum melihat dan menganalisis kuasa yang dipamerkan oleh kuasa besar AS dan Uni Soviet di Vietnam dan Afghanistan, di sini amat

bertepatan dijelaskan terlebih dahulu konsep kuasa. Mengikut Ray S. Cline, kuasa di peringkat antarabangsa merangkumi 'cultural, political, economic and military forces that determine the real balance in today's give and take relations among nations'.<sup>1</sup> Beliau selanjutnya membuat satu definisi ke atas kuasa di arena antarabangsa yang mana katanya 'It is the ability of the government of one state to do something which the latter otherwise would not choose to do, or to government of the another state to refrain from doing something it wants to do, whether by persuasion, coercion or outright military force'.<sup>2</sup> Selain beliau, Hans J. Morgenthau menjelaskan bahawa politik antarabangsa adalah mengenai 'struggle for power'<sup>3</sup> antara negara. Kuasa padanya sebagai 'means and ends'. Keghairahan kepada kuasa telah menyebabkan wujudnya pergolakan di antara negara-negara. Konflik yang semakin merebak di antara negara kebanyakannya disebabkan oleh semua negara yang ingin mendapat, menambah dan mempertahankan kuasa masing-masing.

Dari definisi yang diutarakan, amat jelas dua kuasa besar, AS dan Uni Soviet, telah menggunakan pengaruh mereka untuk menguasai negara dunia ketiga iaitu Vietnam dan Afghanistan walaupun ia dilakukan secara tidak langsung. Komitmen AS di Vietnam Selatan, sebagai merujuk kepada 'Domino Theory' dan seterusnya mengimplementasikan Doktrin Truman untuk menyekat dan menghalang pengaruh komunis dari Vietnam Utara merebak ke Vietnam Selatan dan seterusnya ke negara Asia Tenggara yang lain. Begitu juga Uni Soviet, campur tangan di Afghanistan adalah kerana permintaan daripada pemimpin negara itu sendiri iaitu Taraki dan Hafizullah Amin.<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Ray S. Cline, *World Power Trends & US Foreign Policy for the 1980s*, 1980, Westview Press Inc, hal 8.

<sup>2</sup> Ibid, hal 12.

<sup>3</sup> Han J. Morgenthau, *Politics among Nations, The Struggle for Power & Peace*, 1973, Alfred A. Knopf, New York, hal 27

<sup>4</sup> Henry S. Bradsher, *Afghanistan and the Soviet Union*, Duke Press Policy Studies, hal 173.

Selain Ray S.Cline, Harold J. Kearsley juga mengatakan bahawa kuasa dapat dikawal dan terbahagi kepada tiga katogeri iaitu kuasa politik (merangkumi aktiviti politik, inovasi, falsafah, ideologi dan pendekatan sains dan teknologi), kuasa ekonomi dan akhirnya kuasa tentera.<sup>5</sup> Dalam membuat analisis kejayaan dan kegagalan kuasa di Vietnam dan Afghanistan, ia berkisar dari dimensi yang diutarakan oleh Ray S.Cline dan Harold J. Kearsley.

Esei ini akan membuat Analisis Perbandingan Kejayaan dan Kelemahan Kuasa AS dan Uni Soviet di negara Dunia Ketiga iaitu Vietnam dan Afghanistan. Sebelum menganalisis aspek kejayaan dan kegagalan kuasa di kedua-dua wilayah tersebut, persoalan yang penting untuk dikupas ialah mencari sebab kedua-dua negara ini terlibat dan apakah strategi dan doktrin yang digunakan oleh mereka dalam memerangi tentera Vietnam Utara dan puak Mujahidin. Setelah mengkaji perkara di atas, dapat dirumuskan kejayaan dan kegagalan kuasa melalui aspek politik, tentera dan psikologi seperti yang diutarakan oleh Ray S.Cline dan Harold J. Kearsley.

## PENGLIBATAN DUA KUASA BESAR DI NEGARA VIETNAM DAN AFGHANISTAN

Apa yang menjadi persoalan ialah mengapa AS dan Uni Soviet terlibat dalam masalah domestik negara Vietnam dan Afghanistan. Apakah punca dan motif yang memberi justifikasi kepada mereka untuk memainkan peranan kuasa dan apakah strategi yang dimainkan oleh kedua-dua negara dalam kedua-dua peperangan itu? Apabila memperkatakan penglibatan kuasa besar ke atas sesebuah negara lain dalam konteks hubungan

<sup>5</sup> Harold J. Karsley, *Maritime Power and 21 st Century*, 1992, Dartmouth Publishing Limited, U.S.A, hal 21.

antarabangsa ia tidak dapat dinafikan bahawa penglibatan mereka adalah di atas dasar yang bermotifkan kepentingan (*interest*) sesebuah negara yang berkuasa.

Pada asasnya penglibatan AS di Vietnam pada 1965 - 1975 (Perang Vietnam Kedua) adalah untuk menyekat dan membendung fahaman komunis dari merebak dan berleluasa ke negara-negara selatan dan seterusnya menggugat kestabilan rantau Asia Tenggara khasnya dan dunia amnya. Justeru, AS telah mengutarakan '*containment policy*' demi membendung dan menghalang ideologi komunis yang dipelopori oleh negara Uni Soviet terus berkembang dan bermaharajalela ke negara jiran yang lain di Asia Tenggara yang mempunyai jumlah penduduk seramai 150 juta waktu itu.<sup>6</sup>

Selain untuk menghalang pengaruh komunis tersebar luas terutama ke Vietnam Selatan dan negara berhampiran Asia Tenggara, kegagalan untuk menggariskan objektif secara jelas dalam polisi penglibatan AS di Vietnam Selatan amat menonjol sekali. Selepas mengalami kekalahan di dalam perang di Vietnam, ramai pengkaji telah membuat kajian terutama di kalangan penggubal dasar di Pentagon berpendapat bahawa penglibatan tentera AS di Vietnam bukannya merupakan isu utama pada pemimpin AS. Pada mereka, isu '*Goldwater*' (kawalan ke atas senjata nuklear) merupakan isu yang utama dan penting pada AS berbanding isu Vietnam. Ekoran dari sini, Presiden Kennedy telah mengutus surat kepada Presiden Vietnam Selatan, Ngo Dinh Diem pada 14 Disember 1961 dengan menjelaskan bahawa

*'...US was pictured as the giant bully picking on helpless small country trying to defend itself against insuperable odds'. Ini memperlihatkan AS telah menerima kecaman bukan setakat masyarakat dari negaranya bahkan dari masyarakat antarabangsa*

'*It is their war and they are the ones to win or lose it*'. Tetapi berlainan sekali apabila teraju pemerintahan AS bertukar tangan kepada Presiden Lyndon Johnson, di mana beliau telah menunjukkan peranan kuasanya dengan jelas apabila beliau mengatakan '*We have the power and now the opportunity, for the first time in centuries to make nations struggling with one another*'.<sup>7</sup> Akibat kenyataan ini, Lyndon Johnson telah mengarahkan untuk menggerakkan dan menempatkan beribu-ribu tentera AS di Vietnam Selatan yang mana sebelumnya AS hanya menghantar kumpulan-kumpulan berupa penasihat ketenteraan ke negara tersebut. Dari kenyataan di atas juga didapati AS tidak mempunyai alasan yang kukuh untuk melibatkan negara mereka dalam kancang perang di Vietnam.

Bagi Uni Soviet, penglibatan dalam Perang di Afghanistan pada Disember 1979 disebabkan keadaan pucuk pemerintahan di Kabul tidak stabil dan sekiranya ia tidak dikawal dan campurtangan tidak dilakukan, peluang ini akan diambil oleh puak Afghans dan ia akan jatuh ke tangan antikomunis. Apabila antikomunis memerintah sudah tentu ia akan memberi peluang kepada kuasa lain campur tangan terutama AS yang sekian lama menjadi dalang semasa pemerintahan Shah Pahlavi di Iran. Faktor ini amat membimbangkan Uni Soviet dan pada pandangan pemimpin mereka sempadannya telah dikuasai oleh negara bukan komunis. Teori ini jelas di mana negara yang bersempadan dengan Uni Soviet telah ditawan dan ditakluk oleh negara itu seperti kata

<sup>6</sup> General Bruce Palmer, Jr, *The 25 Year War, America's Military Role In Vietnam*, 1984 University Press of Kentucky, hal 173.

<sup>7</sup> Theodore Drapper, *Abuse of Power*, 1966. The Viking Press Inc, hal 157.

Thomas T. Hammond, 'The Soviet Union's determination to secure its frontiers by surrounding itself with a cordon sanitaire of friendly, subservient or neutral states'.<sup>8</sup>

Kedua, campur tangan Soviet di Afghanistan berkait rapat dengan mematuhi 'Doktrin Brezhnev'<sup>9</sup> di mana sekiranya pemerintahan atau rejim yang memerintah di bawah naungan komunis terancam, adalah menjadi kewajipan bagi negara Uni Soviet untuk campur tangan seperti yang diutarakan oleh S. Kovalev: 'Once a country becomes communist, it must remain communist, whether it be Hungary, Czechoslovakia or Afghanistan, if reactionary elements in some country attempt to overthrow a communist regime or to lead it away from Soviet - style communism, then other communist countries are duty bound to intervene and save it'.<sup>10</sup> Selain faktor di atas, Uni Soviet telah melihat situasi di Iran amat gusar dan berisiko tinggi akibat tercetusnya Revolusi Anti Shah.<sup>11</sup> Pada pandangan dan andaian Uni Soviet, kemenangan nasionalisme Islam di Iran di bawah kepimpinan Ayatollah Khomeini akan merebak ke negara Islam yang berhampiran dan seterusnya menggugat pemerintah Kremlin.

Akibat daripada 'root cause' di atas telah mendorong kedua-dua kuasa besar melibatkan kuasa tentera mereka dikedua-dua negara itu. Kedua-dua negara ini telah menggerakkan bala tentera yang besar dengan salah satu strategi mereka, ingin menamatkan perang dalam masa yang singkat. Sekiranya perang berlanjutan, ini akan membebankan mereka dari beberapa aspek logistik di mana akan memberi kesan yang mendalam dan meningkatkan kos

<sup>8</sup> Thomas T. Hammond, *Red Flag Over Afghanistan*. 1984, Westview Pres Inc, hal 1328.

<sup>9</sup> *Ibid*, hal 132.

<sup>10</sup> S. Kovalev, *Sovereignty and the International Duties of Socialist Countries*, Prada, 26 September 1968.

<sup>11</sup> Colonel Franz Freistetter, *The Battle In Afghanistan, A View From Europe, Strategic View*, Winter 1981, hal 37.

untuk membiayai tentera dan peralatan yang digunakan. Kedua-dua negara telah mengalami mimpi ngeri, di mana ramalan untuk menamatkan perang dalam masa yang singkat ternyata meleset sekali. Masa yang terluang telah membawa perang secara berlanjutan atau 'protracted war' yang merupakan strategi penting pihak lawan. Strategi kerajaan Hanoi yang menggunakan ala 'Maoist'<sup>12</sup> semasa mengalahkan Perancis di Dien Bien Phu telah menjadi model dan rujukan dengan mengubah sedikit mengikut kesesuaian musuh mereka, AS. Begitu juga Uni Soviet telah tunduk kepada kemahuan puak Mujahidin dengan berperang secara berlarutan dalam kumpulan kecil atau lebih tepat kedua-dua negara Dunia Ketiga yang menggunakan strategi perang gerila berbanding perang konvensional yang digunakan oleh kedua-dua kuasa besar itu.

## STRATEGI AMERIKA SYARIKAT DAN UNI SOVIET

Strategi AS semasa perang Vietnam ialah dengan berperang ala konvensional secara perang terhad di bumi Vietnam Selatan. Senjata utama pasukan bersekutu AS dan Vietnam Selatan ialah penggunaan kuasa udara sebagai strategik ofensif terhadap Hanoi. Sesetengah pemerhati berpendapat strategi AS ialah untuk mengalahkan insurgen di Vietnam Selatan dan bukannya untuk mengalahkan penceroboh dari Vietnam Utara. Colonel Harry Summers menyatakan AS yang telah membazirkan masa dan sumber yang ada untuk memerangi tentera Vietnam Utara atau 'National Liberation Front (NLF)' dengan menggunakan strategi 'counterinsurgent war'<sup>13</sup> yang pada

<sup>12</sup> David W.P. Elliot, *Hanoi's Strategy in the Second Indochina War*, 1993, Yale University Press, hal 68.

<sup>13</sup> George R Vicker, *U. S. Military Strategy and the Vietnam War*, 1963, Yale University Press, hal 122.

hakikatnya AS tidak bersedia untuk melaksanakannya semasa di Vietnam.

Strategi AS untuk memerangi musuhnya Vietnam Utara ialah dengan menggunakan kuasa udara tanpa menggerakkan Tentera Darat (*Ground Forces*) bersama-sama memerangi tentera Viet Cong. Walaupun pengeboman udara telah berjaya menyekat tentera Viet Cong dari menyusup masuk ke Vietnam Selatan namun dengan tindakan sedemikian telah merendahkan kredibiliti AS di mata masyarakat dunia. Kedua, strategi AS yang menempatkan tenteranya di seluruh pelusuk Vietnam Selatan telah membawa padah di mana kumpulan-kumpulan tentera AS begitu '*vulnerable*' kepada serangan tentera Vietnam Utara. Ia amat berlainan sekali dengan strategi Hanoi yang menempatkan kumpulan besar (*main force*) di kawasan pergunungan untuk menjalani aktiviti ketenteraan. Kemudian mereka bergerak ke kawasan muara (*delta*) yang mempunyai penduduk yang ramai untuk menjalani aktiviti ketenteraan dan politik. Akhir sekali, mereka akan bergerak ke bandar-bandar diiringi aktiviti politik secara langsung<sup>14</sup> untuk mencari pengaruh.

Sama seperti strategi AS di Vietnam, Uni Soviet juga telah menggunakan strategi peperangan ala konvensional<sup>15</sup> di Afghanistan. Kremlin telah menggerakkan sejumlah 85,000 orang tentera pada peringkat permulaan untuk melawan puak Mujahidin yang berkekuatan di anggarkan seramai 180,000 ke 200,000 orang. Uni Soviet sedar akan kekuatan yang dimiliki oleh puak Mujahidin namun kuasa besar ini tidak mahu melibatkan komitmennya dengan meningkatkan dan menandingi kekuatan pasukan musuh. Dalam jangka masa tiga tahun

pertama, strategi Uni Soviet ialah penggunaan kuasa udara (*air bombardment*) dengan dibantu tentera darat (*ground forces*) Uni Soviet dan Afghan. Ini terbukti kerana Kremlin telah menggerakkan seramai 12,000 orang tentera gabungan Soviet dan Afghan dengan dibantu oleh tembakan pesawat pejuang sebanyak 200 sorti MiG, SU-24 dan tembakan helikopter (*helicopter gunships*) sehari<sup>16</sup> untuk meruntuhkan struktur organisasi dan kekuatan puak Mujahidin. Namun hasilnya, Kremlin telah gagal untuk meruntuh dan memusnahkan kekuatan dan semangat yang dimiliki oleh Mujahidin.

Melihat kesukaran untuk menghadapi strategi Mujahidin selepas setahun peperangan berlalu, strategi kedua Kremlin ialah membuat perubahan dengan menggunakan analogi Mao Tse Tung iaitu '*fish in the water*'.<sup>17</sup> Apa yang penting pada strategi ini ialah sasaran kepada penduduk (air) bukannya sasaran pada Mujahidin (ikan). Oleh yang demikian, Uni Soviet telah menggunakan tembakan udara (*air power*) ke atas penduduk Afghanistan terutama di kawasan berhampiran sempadan di Utara Afghanistan. Serangan ini bertujuan untuk menghalau penduduk dari kawasan perlindungan mereka dan menyukarkan puak Mujahidin mendapat bantuan untuk meneruskan perjuangan mereka. Fenomena ini telah berjaya menghalau penduduk meninggalkan tempat tumpah darah mereka. Sejumlah 40,000 orang penduduk Afghanistan (akhir 1979) telah mlarikan diri dan mencari perlindungan di kem pelarian di Pakistan. Pada hakikatnya tindakan ini tidak membantutkan puak Mujahidin dari meneruskan perjuangan mereka malah ia telah meniupkan satu semangat baru kepada puak Mujahidin dengan meninggalkan keluarga mereka di kem pelarian dan memasuki kembali Afghanistan untuk meneruskan perjuangan

<sup>14</sup> David W. P. Elliot, *Hanoi's Strategy in the Second Indo China War*, 1963, Yale University Press, hal 70.

<sup>15</sup> Edward Girardet, *Afghanistan The Soviet War*, 1985, Billing & Sons Limited, Worcester, hal 34.

<sup>16</sup> Ibid, hal 37.

<sup>17</sup> Ibid, hal 41.

mereka. Akibatnya jelas terbukti serangan berbentuk serang hendap oleh Mujahidin telah meningkat serta merta ke atas pos-pos dan konvoi tentera Uni Soviet dan Afghan.

Strategi pertama Uni Soviet yang menggunakan serangan udara (kuasa udara) ke atas puak Mujahidin dan penduduk Afghanistan dilihat pada peringkat awalnya mencapai kejayaan tetapi setelah masa berlalu, ia membawa bencana kepada kekuatan dan kekuasaan Uni Soviet di negara itu. Kremlin telah menggunakan kuasa udara secara berleluasa di merata tempat terutama di kawasan kubu kuat puak Mujahidin di kawasan sempadan, Panjshair, Logar Kandahar, Badakshan, Farah dan Herat. Kremlin telah menggunakan helikopter penggempur (*assault helicopter*) jenis Mi - 24, Mi - 6, Mi - 8 untuk menggerakkan tenteranya memerangi puak Mujahidin seperti yang dilakukan oleh AS di Vietnam yang menggunakan helikopter penggempur jenis *Huey Cobra*. Di pihak Mujahidin, mereka telah berjaya menggunakan strategi berkesan memerangi kuasa udara Uni Soviet dengan menggunakan senjata 'anti air missiles'.<sup>18</sup>

Ini telah mengubah strategi kuasa udara Uni Soviet yang pada awalnya berjaya menggunakan helikopter penggempur dengan menembak secara berkesan dari jarak dekat tetapi strategi ini telah berjaya dipatahkan oleh Mujahidin dengan menembak helikopter tersebut dari

tempat-tempat tinggi seperti bukit dan pergunungan. Penggunaan helikopter oleh Kremlin dalam operasi seterusnya telah berubah dengan menembak dari paras tinggi yang tidak mendatangkan kesan kepada Mujahidin.

### KEJAYAAN DAN KELEMAHAN KUASA AMERIKA SYARIKAT DAN UNI SOVIET DALAM KEDUA-DUA PEPERANGAN

Di dalam membuat penganalisan secara berkesan ke atas kejayaan dan kelemahan kuasa AS dan Uni Soviet dalam kedua-dua peperangan, seperti kata Harold J Kearsley ia boleh dibahagikan kepada kuasa politik, ketenteraan dan psikologi. Setelah mengkaji strategi yang digunakan oleh dua kuasa besar ini ia boleh disimpulkan sebagai menepati aspek-aspek di atas. Di sini terlebih dahulu diutarakan aspek kejayaan dan diikuti kelemahan kedua-dua kuasa besar dalam kedua-dua peperangan tersebut.

### DIMENSI KUASA POLITIK

Kejayaan kuasa AS telah memperlihatkan satu komitmen dan penglibatan yang tinggi oleh pemimpin politik dan tenteranya apabila memperkatakan soal pengaruh komunis. Dari tindakan menempatkan tentera yang pada awalnya untuk membantu tentera Vietnam Selatan, AS telah berjaya membendung pengaruh komunis

<sup>18</sup> Ibid, hal 43.

atau Doktrin Truman. Walaupun tentera Vietnam Utara berjaya menawan Saigon pada April 1975, namun setidak-tidaknya pengaruh itu berjaya disekat dari merebak ke negara lain khususnya negara di Asia Tenggara. Tindakan ini juga telah memberi kestabilan kepada negara di Pasifik Barat, Jepun, Korea Selatan, Taiwan, Australia dan New Zealand. Sekiranya Vietnam Selatan tidak dibantu sudah tentu kedudukan negara Pasifik<sup>19</sup> akan lemah dan kemungkinan dipengaruhi oleh Kremlin.

Kejayaan penting kuasa Uni Soviet selepas peperangan di Afghanistan ialah peningkatan kedudukan geostrategiknya. Setelah berjaya meletakkan pemerintahan komunis di negara itu, kedudukan kuasa Kremlin semakin hampir dengan negara Teluk dan paling penting dapat menguasai hasil minyak yang dimiliki oleh mereka. Setelah Babrak Kamal berjaya memerintah negara itu sebagai boneka Uni Soviet, segala fasilitas politik dan ketenteraan berjaya digunakan oleh Uni Soviet. Paling utama ialah kegunaan jet pengebom Uni Soviet (*Soviet Fighter-bombers*) yang diletakkan di Lapangan Terbang di Bagram, Shindand dan Kandahar berada dalam jarak<sup>20</sup> tembakan sehingga ke Selat Hormuz, begitu juga jet pejuang 'Backfire' yang boleh mengancam kekuatan tentera laut AS di Lautan Hindi. Selain itu juga Uni Soviet berjaya mengimbangi '*sphere of influence*' AS yang berkuasa di Iran. Setelah berjaya memperluaskan kekuasaan di negara Afghanistan, Uni Soviet telah berjaya mencapai dasarnya yang ingin negara jiran yang berhampiran di kelilingi oleh negara dan pemerintahan komunis.

Kekalahan AS di Vietnam banyak berpunca daripada kelemahan dasar AS itu sendiri yang gagal untuk menggariskan objektif penglibatannya di Vietnam. Pemimpin politik

dan tentera AS gagal dalam membuat satu dasar yang konkrit untuk memerangi tentera Vietnam Utara. Ramai penggubal dasar di Pentagon berpendapat penglibatan AS di Vietnam bukan merupakan isu utama kepada pemimpin AS ketika itu. Mereka lebih mementingkan isu Goldwater<sup>21</sup> iaitu isu kawalan ke atas senjata nuklear pada awal 1964. Seperkara lagi ialah kegagalan pemimpin-pemimpin AS mempengaruhi masyarakat AS untuk mendapat sokongan padu sebelum tenteranya terlibat secara langsung dalam kancah perperangan di Vietnam. Apabila AS terlibat dalam perperangan, Lyndon Baine Johnson telah meluluskan untuk melakukan pengeboman ke atas Vietnam Utara. Walaupun pengeboman dilakukan secara terperinci dengan mengelakkan sasaran penduduk awam namun AS telah mendapat kecaman hebat dari masyarakat antarabangsa.

Negara-negara lain terutama negara kolonial telah memberi kecaman hebat dengan membuat kenyataan bahawa AS '*was pictured as the giant bully picking on helpless small country trying to defend itself against insuperable odds*'.<sup>22</sup> Ini memperlihatkan AS telah menerima kecaman bukan setakat masyarakat dari negaranya bahkan dari masyarakat antarabangsa.

Pemimpin dan tentera AS telah gagal mentafsirkan situasi perang di Vietnam secara terperinci di mana puak Viet Cong telah berjaya mengeksplorasi dengan melaksanakan subversif dari peringkat bawah (*local*) sehingga ke peringkat nasional. Setelah menggerakkan tentera daratnya pada tahun 1965, pemimpin politik dan tentera AS telah gagal mengkaji secara mendalam '*staying power*'<sup>23</sup> yang dimiliki

<sup>19</sup> Op Cit, General Bruce Palmer, Jr, hal 173.

<sup>20</sup> Op Cit, Thomas T. Hammond, hal 177.

<sup>21</sup> Jeffrey P. Kimball, *To Reason Why, The Debate about the Causes of U.S Involvement in the Vietnam War*, 1990, McGraw - Hill Publishing Company, hal 261.

<sup>22</sup> Op Cit, General Bruce Palmer, Jr, hal 175.

<sup>23</sup> Ibid, hal 175.

oleh tentera Vietnam Utara. Walaupun 'morale' tentera Vietnam Utara menurun setelah mengalami kematian dan kecederaan yang ramai semasa Ofensif Tet pada tahun 1968, namun mereka bangkit dari lamunan dengan menggunakan strategi baru dengan mengajak AS dan tentera Vietnam Selatan berperang secara berlarutan terutama di kawasan bandar. Ini jelas menggambarkan kesanggupan (*determination*) dan keyakinan pemimpin Hanoi dalam memerangi AS di bumi mereka sendiri. Kegagalan semasa Ofensif Tet telah mengugat kredibiliti Presiden Johnson di mana beliau telah membuat keputusan dengan tidak menyertai pemilihan calon Presiden untuk kali kedua.

Dilihat dari aspek Uni Soviet, campur tangan tenteranya dalam memerangi puak Mujahidin di Afghanistan telah menjelaskan imej politik<sup>24</sup> Uni Soviet di kalangan negara di dunia. Ini terbukti apabila dilakukan pungutan suara sebanyak dua kali di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang jelas undian menyokong agar Uni Soviet berundur dari negara Afghanistan dengan nisbah 111 berbanding 22, termasuk 40 buah negara daripada Dunia Ketiga. Kecaman turut dilakukan oleh negara Islam di mana 'military aggression' oleh Uni Soviet disifatkan sebagai dasar sokongan berupa persenjataan dan ekonomi kepada puak Mujahidin dalam meneruskan perjuangan mereka.

#### DIMENSI KUASA KETENTERAAN

Komitmen AS dalam peperangan kedua di Vietnam dengan menggunakan kekuasaan udara jelas membawa kemenangan kepadanya. Ini dilihat berdasarkan daripada angka kematian dan kecederaan yang tinggi ke atas tentera Vietnam Utara dan Viet Cong. Begitu juga

kegagalan strategi Hanoi seperti yang digariskan untuk menimbulkan kekacauan (*uprising*), gagal mempertahankan kawasan yang telah ditawan dan 'morale' yang rendah di kalangan tentera Hanoi setelah ramai yang terbunuh dan cedera di sepanjang perang itu. Apa yang dilihat tentera Hanoi telah berjaya melarikan diri ke tempat perlindungan di Laos dan Cambodia iaitu kawasan pergunungan demi mengelakkan angka kematian terus meningkat dan sebagai mematuhi strategi Hanoi untuk berkumpul di zon pedalaman bagi menyatukan kembali semangat mereka.

Dalam kedua-dua peperangan di Vietnam dan Afghanistan, kedua-dua kuasa besar telah berjaya menjadikan negara-negara Dunia Ketiga sebagai medan ujian teknologi persenjataan mereka. Pada AS, satu revolusi saintifik telah berlaku dan memberi keyakinan untuk ditonjolkan, seiring dengan pelaksanaan kuasa melalui Dasar Luar Negara seperti yang diungkapkan oleh Dr Henry Kissinger, '*Power thus becomes measured solely in technical terms, political power becomes physically embedded in the United States's large, efficient economy, its war machines, and its economic managerial science for administering these production systems*'.<sup>25</sup> Bagi Uni Soviet pengujian senjata seperti '*assault rifle, automatic mortars, self-propelled artillery, shell with needlelike projectiles, new types of cluster bombs, mine laying and mine clearing equipment, multiple type rocket launcher, new tactical fighter bomber (FU - 25), and battle management computers*'<sup>26</sup> telah berjaya dilaksanakan semasa peperangan di Afghanistan.

Kuasa ketenteraan semasa perang Vietnam telah gagal digunakan sepenuhnya oleh AS terutama di kalangan pemimpin politik, awam dan tentera mereka. Kegagalan memahami secara terperinci mengikut

<sup>24</sup> Op cit, Thomas T Hammond, hal 174.

<sup>25</sup> Op Cit, Jeffrey P. Kimball, hal 335.

<sup>26</sup> Op Cit, Thomas T. Hammond, hal 178.

keupayaan dan kekangannya telah membawa padah dan kekalahan kepada AS. Percanggahan di kalangan pegawai tentera udara juga merupakan faktor kelemahan kuasa ketenteraan. Ini berlaku pada tahun 1961 bila Ketua Staf Bersama (*Joint Chiefs of Staff*) telah menyarankan satu pemerintahan bersama diwujudkan di Vietnam bertujuan mengawal semua operasi tentera udara di negara itu. Ini telah mendapat bangkangan daripada Panglima Pemerintahan Kawasan Pasifik (CINC PAC), Admiral Harry D. Felt.<sup>27</sup> Beliau mahukan semua perkara di Vietnam dilaporkan kepada pemerintahan Pasifik memandangkan ancaman yang dihadapi adalah komunis di rantau Asia Tenggara. Ini merupakan tanggungjawab beliau untuk mengenal pasti ancaman dan tindakan yang akan diambil. Ini memperlihatkan tidak adanya satu persefahaman dalam membentuk saluran pemerintahan yang ideal semasa operasi dilakukan di Vietnam.

Kelemahan ‘*modus operandi*’ Tentera Merah untuk menghalang penyeludupan<sup>28</sup> senjata daripada jatuh ke tangan Mujahidin begitu ketara sekali. Ini kerana kekurangan kekuatan Tentera Merah yang hanya mampu menumpukan perhatian pada satu-satu tempat penyeludupan sahaja. Pada tahun 1986, Tentera Merah telah digerakkan ke sempadan, kawasan Nangarhar, Kunar dan Paktia namun oleh kerana kekurangan pengetahuan mengenai rupa bumi negara itu dan tanpa bantuan penduduk sekitar telah tidak berupaya untuk menyekat pengaliran senjata masuk ke kem-kem Mujahidin.

## DIMENSI PSIKOLOGI

Kegagalan pemimpin AS mempengaruhi dan mendapat sokongan masyarakat negara itu mengenai penglibatan tenteranya di negara Vietnam merupakan salah satu kelemahan faktor psikologi. Berdasarkan perlembagaan<sup>29</sup> AS, setiap penglibatan tentera dalam peperangan perlu diluluskan oleh Kongres dan rakyatnya sendiri. Pengiktirafan peperangan merupakan satu nilai yang tinggi kepada masyarakat Amerika. Liputan peperangan melalui media elektronik dan cetak di AS telah memberi satu implikasi ofensif kepada pemimpin dan tentera Vietnam Utara terutama sebelum Ofensif Tet dilancarkan.

Kegagalan peranan perisikan (CIA) Amerika untuk memberi maklumat yang tepat tentang kekuatan tentera Viet Cong sebelum Ofensif Tet dilancarkan telah membawa bencana<sup>30</sup> kepada tentera AS dan Vietnam Selatan. Malah serangan awal oleh Vietnam Utara di Qui Nhon, Kontum, Pleiku, Darlac dan Nha Trang pada 29 Januari 1968 telah menyedarkan tentera AS dan Vietnam Selatan dari lamunan dan segera menggerakkan tentera untuk mempertahankan bandar-bandar yang merupakan sasaran utama di tahap ketiga strategi Hanoi (*counter offensive*).

Selain imej Uni Soviet tergugat di PBB semasa pengundian dilakukan, Kremlin juga mendapat kecaman hebat dari masyarakat negaranya sendiri, walaupun di negara Uni Soviet pendapat umum tidak berlaku. Penglibatan di Afghanistan juga telah meningkatnya kos dan sumber (*manpower*) untuk digunakan bagi membantu dan meningkatkan

<sup>27</sup> Donald J. Mrozek, *Air Power & the Ground War in Vietnam*, 1989, Pergamon Brassey's, hal 33.

<sup>28</sup> J. William Derleth, *The Soviets in Afghanistan : Can the Red Army A Counterinsurgency War*, Armed Forces and Society, Vol 15, No. 1 Fall 1988, hal 60.

<sup>29</sup> George R. Vickers, *U. S. Military Strategy and the Vietnam War*, Yale University Press, hal 116.

<sup>30</sup> James Writz J, *The Tet Offensive, Intelligence Failure War*, 1991, Cornell University Press, hal 307.

ekonomi negara itu. Penghantaran pulang setiap hari keranda-keranda anggota Tentera Merah yang terbunuh dalam perperangan tersebut telah memberi satu tamparan hebat kepada rakyat Uni Soviet. Peristiwa-peristiwa ini telah melemahkan 'morale' masyarakat negara itu dan mereka menyifatkan konflik di Afghanistan sebagai 'Dirty Little War'.<sup>31</sup>

### KESIMPULAN

Hasil dari penganalisisan kuasa yang dipaparkan jelas banyak memihak kepada kegagalan kuasa politik, ketenteraan dan psikologi AS dan Uni Soviet. Komitmen AS dalam perang Vietnam Kedua boleh dilihat sebagai kekalahan di negaranya sendiri sejak awal lagi. Hasrat AS dan Uni Soviet dalam kedua-dua perperangan untuk menamatkan satu perperangan dengan singkat ternyata meleset

*Kedua-dua kuasa besar ini telah gagal dan mengenepikan prinsip perperangan yang diutarakan oleh Clausewitz iaitu gagal melaksanakan tindakan ofensif melalui angkatan yang kuat pada masa yang kritis, dan kegagalan menggunakan kuasa kombat dan peralatan perang pada tempat yang bersesuaian untuk kebaikan dan seterusnya mencapai kejayaan*

disebabkan strategi lawan yang mengheret perperangan secara berlarutan sambil mengadunkan aktiviti politik dan ketenteraan di setiap tahap perperangan.

Bibit-bibit kelemahan penglibatan AS dapat dilihat sejak awal lagi di mana tidak mempunyai satu objektif yang jelas apabila melibatkan diri dalam perperangan di Vietnam. Berlainan pula di pihak Uni Soviet yang telah membuat persiapan yang rapi untuk menawan Afghanistan seperti apa yang mereka lakukan di Czechoslovakia. Bagaimanapun tentera AS dan Uni Soviet telah mendapat tentangan hebat dari lawan masing-masing yang berjuang di negara sendiri dan mempunyai '*staying and will power*'. Kedua-dua kuasa besar ini telah gagal dan mengenepikan prinsip perperangan yang diutarakan oleh Clausewitz, iaitu gagal melaksanakan tindakan ofensif melalui angkatan yang kuat pada masa yang kritis, dan kegagalan menggunakan kuasa kombat dan peralatan perang pada tempat yang bersesuaian untuk kebaikan dan seterusnya mencapai kemenangan.

<sup>31</sup> Op Cite, Thomas T. Hammond, hal 177.

### BIBLIOGRAFI

Theodore Draper, *Abuse of Power*, 1967, The Viking Press Inc, New York.

Jeffrey P. Kimball, *To Reason Why, The Debate About the Causes of U.S. Involvement in the Vietnam War*, 1990, McGraw Hill Publishing Company, New York.

General Bruce Palmer Jr, *The 25 Year War, America's Military Role in Vietnam*, 1984, The University Press of Kentucky, U.S.A.

Donald J. Mrozek, *Air Power & The Ground War in Vietnam*, 1980, Pergamon Brassey New York.

Edward R. Girardet, Afghanistan, The Soviet War, 1985, Croom Helm Ltd, Australia.

Jayne S. Werner & Luu Doan Huyuh, The Vietnam War & Vietnamese and American Perspective, 1993, Yale University Press. U.S.A.

Han J. Morgenthau, Politics Among Nations, The Struggle for Power and Peace (Fifth Edition), 1973, Alfred A. Knopf, New York.

Ray S. Cline, World Power Trends & U.S. Foreign Policy for the 1990s, 1980, Westview Press Inc. U.S.A.

Thomas T. Hammond, Red Flag Over Afghanistan, 1984, Westview Press Inc. U.S.A.

Harold J. Kearsley, Maritime Power in the 20th Century, 1992, Dartmouth Publication, United Kingdom.

James Writz, The Tet Offensive, Intelligence Failure in War, 1991, Cornell University Press.

## JURNAL

J. William Derleth, The Soviets in Afghanistan: Can the Red Army Fight A Counterinsurgency War?, Armed Forces And Society, Vol 15, No: 1, Fall 1988.

S. Kovalev, Sovereignty and the International Duties of Socialist Countries, Pravada, 26 September 1968.

Colonel Frans Freisetetter, The Battle In Afghanistan, A View Europe, Strategic View, Winter 1981.



Mej Che' Bakar bin Mohd Ariffin telah ditauliahkan dalam Kor Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) pada 21 Dis 78, pernah menjawat beberapa jawatan penting di pasukan dan Kementerian Pertahanan. Beliau berkelulusan Maktab Turus dan pemegang Diploma Lanjutan Pengajian Strategik dan Keselamatan dari UKM. Beliau kini bertugas di Rej 506 AW.

# KRITERIA KEPIMPINAN MELALUI LUNAS-LUNAS ISLAM- Dari Kaca Mata Seorang Soldadu

PW II Ramlan bin Agus

*Setiap kamu adalah pemimpin dan mestilah bertanggungjawab dalam kepimpinan kamu. Seseorang pemimpin (ketua) yang memimpin orang ramai adalah bertanggungjawab di atas kepimpinannya; isteri adalah pemimpin dan bertanggungjawab dalam urusan rumah tangga suaminya, anak bertanggungjawab di atas warisan harta bapanya, hamba bertanggungjawab di atas harta tuannya. Ketahuilah, sesungguhnya setiap kamu adalah pemimpin dan bertanggungjawab ke atas pimpinan kamu'.*

*Riwayat Bukhari  
& Muslim*

## PENDAHULUAN

**K**edatangan tahun 2000 - Alaf Baru, pastinya membawa seribu cabaran baru kepada kita. Kita memasuki alaf baru dengan kemunculan pelbagai persepsi mengenai kenegaraan, ekonomi, pembangunan, hatta ketenteraan. Terdapat di kalangan kita yang menganggap pesawat udara canggih, peluru berpandu jarak jauh, sensor Cahaya moden, alat komunikasi canggih dan komputer akan dapat mengatasi musuh yang mungkin ketinggalan dari segi teknologi atau peralatan peperangan mereka. Atas kesedaran sepertiinilah, usaha-usaha untuk mempertahankan negara lebih mengutamakan pemimpin dan pemerintah yang cekap, pintar, berwibawa dan bertanggungjawab di samping menguasai teknologi moden serta menyediakan latihan-latihan yang sesuai kepada anggota mereka.

Di Malaysia, sikap menghormati undang-undang dan peraturan agak longgar dan tidak diberi keutamaan dan penekanan oleh kebanyakan keluarga. Oleh kerana itu, disiplin mereka begitu ketara kurangnya amat sukar untuk mendisiplinkan golongan ini kerana 'rebung sudah menjadi buluh'.

Di dalam Angkatan Tentera sendiri, pemerintah perlu ada caranya untuk menentukan anggota-anggotanya menghormati undang-undang yang berpandukan peraturan yang telah ditetapkan. Adalah sangat penting untuk menerapkan amalan menghormati undang-undang ini sebilang masa. Untuk itu, bagi menentukan anggota mempunyai tahap disiplin yang tinggi, pelaksanaan dengan cara bersistematis serta berfokus perlulah diamalkan. Jika peraturan dan undang-undang dan arahan diingkari, hukuman setimpal dengan kesalahan tersebut hendaklah dikenakan mengikut peraturan yang sedia ada.

## KEPIMPINAN MENURUT ISLAM

Seseorang pemimpin yang berwibawa akan berusaha agar anggota-anggota bawahannya dapat merealisasikan tujuan dengan sebaik-baiknya di dalam situasi bekerjasama yang produktif tidak kira sama ada di masa aman atau di masa darurat. Pemimpin yang disegani dan dihormati sepatutnya memberikan gambaran mengenai sesuatu tugas masing-masing secara telus kepada anggota bawahannya. Seperti kata Jeneral Matthew B Ridgway 'Only those who disciplined themselves can exact disciplined performance from

*Demi sesungguhnya,  
adalah bagi kamu  
diri Rasulullah itu  
contoh yang baik,  
iaitu bagi orang  
yang sentiasa  
mengharapkan  
(keredaan) Allah dan  
(balasan baik) di  
akhirat*

others'<sup>1</sup>. Ini bagi memberikan satu dasar pandangan menyeluruh mengenai sesuatu tugas yang diberikan dapat diterima dan difahami oleh semua anggota tanpa sebarang bantahan ataupun rungutan. Sabda Rasulullah s.a.w: 'Hamba yang paling disukai oleh Allah adalah hamba yang paling bermanfaat bagi orang-orang yang menjadi tanggungannya'.<sup>2</sup>

Tugas utama pemimpin ialah menstrukturkan suasana dengan memberi penerangan mengenai sesuatu perkara secara terang dan jelas tentang situasi-situasi yang sedang dan bakal ditempuhi oleh anggota bawahannya. Misalnya, pemimpin perlu memberitahu perkara yang penting dan yang kurang penting serta memusatkan perhatian kepada arah tuju yang ingin dicapai. Pemimpin adalah tempat rujukan apabila seseorang anggota bawahannya menghadapi masalah. Jika mereka tidak ada tempat untuk meluahkan masalah, mereka akan mengambil jalan singkat yang pastinya memudaratkan dirinya sendiri seterusnya menjaskan organisasi.

Menyentuh mengenai konflik antara pemimpin dengan anggota bawahannya, pemimpin haruslah bijaksana menangani masalah tersebut. Pemimpin yang baik seharusnya sensitif kepada apa jua keadaan dan dapat menilai kepentingan anggota dan berupaya membimbing anggota bawahan kepada satu arah secara keseluruhan tanpa mengamalkan pilih kasih.

<sup>1</sup> General Mathew B Ridgway, Military Review, Okt 1966.

<sup>2</sup> Hadis Riwayat Hassan R Abdullah

Untuk menjadi seorang pemimpin yang disegani dan dihormati bukanlah perkara yang mudah. Kepimpinan adalah kombinasi beberapa kualiti seperti berilmu, berketerampilan, berkeyakinan, berbudi pekerti tinggi, mempunyai disiplin diri dan banyak lagi yang boleh mendorong orang bawahan menghormati segala perintah yang diberi. Pemimpin harus mengawasi dan menyatukan anggota mereka sebagai satu kelompok yang sentiasa bersatu dalam apa jua keadaan pun. Jika anggota tersebut ingkar, tindakan harus diambil selaras dengan peraturan dan undang-undang yang sedia ada. Sebagai seorang pemimpin yang ingin sentiasa berada di jiwa anggota bawahan, pemimpin itu sendiri perlu menonjolkan sikap dan tingkah laku serta pekerti yang mulia. Seseorang pemimpin seharusnya mempunyai peraturan yang tersendiri untuk menyalurkan aktiviti anggota selaras dengan peraturan yang sedia ada. Tidak mungkin anggota bawahan akan menghormati dan menyanjung pemimpin yang melenceng daripada arah tuju yang sebenar. Firman Allah bermaksud '*Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) di akhirat'*.<sup>3</sup>

Sudah menjadi lumrah dalam masyarakat, seseorang individu itu ingin disanjung dan dipercayai oleh pemimpin. Amatlah beruntung bagi sesuatu organisasi yang mempunyai pemimpin yang bijaksana dan pandai menilai yang mana satu intan dan yang mana satu kaca. Pemimpin yang matang dalam mengenali anggota bawahannya dapat menilai akan tingkah laku seseorang anggota. Pemimpin yang berwibawa juga tidak mudah terpedaya dengan kata-kata seseorang tanpa menyelidikinya terlebih dahulu. Tidak mustahil di zaman ini masih kerap berlakunya pemimpin terpedaya dengan kata-kata seseorang yang pandai berpura-pura.

Tidak hairanlah jika terdapat seseorang anggota yang mengambil kesempatan di atas kelemahan pemimpin yang tidak berketerampilan. Pemimpin yang bersikap mempercayai hanya kepada sebelah pihak dan membudayakan '*anak emas*' dalam masyarakat mahupun organisasi akan menjadikan sesebuah organisasi itu berpuak-puak dan saling membenci antara satu sama lain. Jika perkara ini terjadi, maka amatlah rugi malah amatlah membimbangkan dalam masyarakat amnya dan Angkatan Tentera khasnya.

Masyarakat atau organisasi tidak harus mempunyai pemimpin yang memiliki tingkah laku dan sifat pilih kasih dalam mentadbir dan memimpin anggota bawahannya. Pemimpin yang beretika haruslah sabar dan bersikap terbuka pada mana-mana anggota bawahan agar dapat membina satu masyarakat atau organisasi yang berjaya dalam semua aspek. Menjurus kepada perkara tersebut, pemimpin dan anggota bawahan juga harus saling percaya mempercayai, saling sayang menyayangi dan saling hormat menghormati antara satu sama lain.

Pemimpin-pemimpin akan dianggap oleh anggota bawahan sebagai payung bagi tempat berteduh. Justeru, pemimpin seharusnya menghargai kepentingan-kepentingan anggota bawahannya dengan bertindak sebagai juru cakap kepada pihak atasan mengenai sebarang prestasi cemerlang yang ditunjukkan oleh anggota semasa menjalankan tugas. Sebagai manusia biasa anggota akan merasa dihargai sekiranya jasa dan pengorbanan mereka dihargai dan diambil kira oleh pemimpin mereka. Walaupun ungkapan '*terima kasih*' terlalu mudah diucapkan, namun tidak semua pemimpin mampu mengucapkannya kepada anggota mereka. Perkara ini tidak boleh dipandang enteng atau remeh oleh pemimpin, kerana dari segi psikologi perkara-perkara yang dianggap enteng dan remeh inilah yang boleh meningkatkan lagi taat setia oleh anggota

<sup>3</sup> Al-Quran, Surah Al-Ahzab, Ayat 21

bawahan kepada pemimpin mereka. Maka di sinilah letaknya tanggungjawab yang besar di dalam '*group centered leadership*' yang bersifat demokrasi.

Mengikut cara autokrasi pemimpin akan menentukan segala kegiatan anggota bawahannya. Pemimpin menggunakan kuasa dengan sepenuhnya tanpa mengajak anggota bawahan berbincang atau mendapatkan pendapat daripada mereka. Umpamanya, dalam menentukan segala dasar pelaksanaan ataupun perancangan organisasi tersebut, semuanya ditentukan oleh pemimpin atau pihak atasan sahaja. Pemimpin hanya membuat hubungan dengan anggota bawahan apabila ada satu-satu cadangan atau masalah yang memerlukan penyelesaian segera. Dalam situasi sebegini, pemimpin enggan untuk bergaul atau menerima pendapat anggota bawahannya. Walaupun cara kepimpinan begini sudah dianggap ketinggalan zaman dalam menuju ke alaf baru ini, tetapi tidak dinafikan ia masih wujud lagi.

Pemimpin yang bijak serta berdedikasi akan memimpin secara demokrasi. Pemimpin yang sempurna akan mengajak anggota bawahannya berbincang dalam menangani masalah sesebuah institusi atau organisasi dan perancangan masa hadapan tanpa mendengar hanya sebelah pihak sahaja. Pemimpin yang menggunakan kaedah ini biasanya jarang menghadapi masalah dengan anggota bawahan kerana mereka selalu berbincang dan memutuskan mengenai sesuatu perkara dengan mendengar pendapat anggota bawahannya. Pemimpin sebegini dianggap matang kerana dapat berinteraksi dengan anggota bawahan sebagai satu kumpulan.

Pemimpin yang suka lepas tangan dalam segala hal, biasanya memimpin mengikut cara bebas (*laissez faire*) dan mereka dianggap sebagai penonton sahaja. Segala kegiatan dan tugas diserahkan bulat-bulat kepada anggota

bawahannya. Masih terdapat juga pemimpin yang hanya mengarahkan atau menyerahkan sesuatu tugas kepada seseorang sahaja tanpa mengambil kira akan kesannya. Pemimpin yang menjalankan tugas dengan cara sebegitu biasanya banyak mengalami masalah dengan anggota bawahan dan tidak dapat menjalankan tugasnya dengan baik dan berkesan.

Memang sukar untuk mengenal dan menghuraikan mengenai sifat-sifat pemimpin yang baik. Malah begitu sukar untuk mencari ciri-ciri peribadi terperinci seseorang pemimpin yang sesuai dalam segala situasi. Dalam konsep dan konteks ini, pemimpin perlulah cekap melihat dan memahami akan perasaan, sikap dan kepentingan anggota dalam sesebuah masyarakat, institusi atau organisasi yang dipimpinnya. Pemimpin mestilah mempunyai daya kecekapan berfikir secara total dan global atau abstrak yang tinggi, lebih daripada anggota bawahannya. Pemimpin sebegini juga mestilah mempunyai kestabilan emosi kerana ini merupakan faktor penting dalam suasana kepimpinan. Pemimpin yang berkaliber haruslah memandang sesuatu perkara itu secara positif dan menganggap sesuatu perkara itu ada kepentingan tanpa bergantung kepada sebelah pihak semata-mata.

Pemimpin sebegini akan disanjung dan dihormati oleh anggota bawahan malah masyarakat amnya dan Angkatan Tentera khasnya. Tetapi tidak dinafikan juga terdapat anggota-anggota sesetengah masyarakat atau sesebuah organisasi begitu taksub kepada pemimpin sehingga pemimpin didewa-dewa dan diagung-agungkan walaupun mereka tahu pemimpin tersebut begitu buruk perangai dan tingkah lakunya. Disebabkan ketaksubannya sehingga apa yang dilakukan dan dibuat oleh pemimpin itu semuanya dianggap betul dan benar belaka. Pemimpin yang hanya '*pandai menanam tebu di bibir mulut*' akan membuatkan dirinya disanjung dan dipuja tanpa mengira

segala sanjungan dan pujian itu bukanlah untuknya. Masih terdapat kesukaran dalam memilih pemimpin yang benar-benar sempurna kepimpinannya. Pemimpin yang sempurna adalah pemimpin yang beriman dan bertakwa dan dapat menerapkan nilai-nilai keislaman kepada anggota bawahannya. Pemimpin yang berjaya tidak hanya mementingkan diri sendiri, malah sanggup berkorban dan mempertahankan institusi atau organisasi dalam apa jua ancaman luaran atau dalaman. Sabda Rasulullah s.a.w 'Tunaikan amanah kepada orang yang mempercayaimu dan jangan engkau mengkhianati orang yang mengkhianatimu'.<sup>4</sup>

Untuk menjadi seorang pemimpin yang baik, seseorang itu haruslah mempunyai kualiti-kualiti seperti berikut:

*Pemimpin yang sempurna adalah pemimpin yang beriman, bertakwa dan dapat menerapkan nilai-nilai keislaman kepada anggota bawahannya. Pemimpin yang berjaya tidak hanya mementingkan diri sendiri, malah sanggup berkorban dan mempertahankan institusi atau organisasi dalam apa jua ancaman luaran dan dalaman.*

terdapat rintangan. Rintangan ini bukan sahaja dari musuh, tetapi juga dari anggota bawahan sendiri yang mempunyai kelesuan mental dan fizikal.

\* **Inisiatif.** Dalam mendahului musuh dan anggota kita sendiri, penggunaan inisiatif perlu ada pada seseorang pemimpin. Dalam menuju alaf baru seseorang pemimpin itu perlu berinisiatif, berfikiran fleksibel dan berkeupayaan bertindak di dalam situasi yang berbeza-beza ataupun berubah-ubah.

\* **Ilmu Pengetahuan.** Pemimpin harus juga perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam terutama terhadap profesi ketenteraan. Pemimpin perlu mempunyai pengetahuan tentang anggota-anggotanya, seperti firman Allah '... dan berdoalah dengan berkata, wahai Tuhanaku, tambahilah ilmuku'.<sup>5</sup>

\* **Tidak Mementingkan Diri.** Sifat ini sentiasa mementingkan keselamatan dan kesenangan anggota berbanding dengan diri sendiri.

\* **Kualiti-kualiti Lain.** Kualiti-kualiti lain yang juga perlu ada pada seseorang pemimpin adalah seperti berikut:

- ~ Disiplin diri.
- ~ Keyakinan.

<sup>4</sup> Hadis, Riwayat Bukhari & Muslim

<sup>5</sup> Al-Quran, Surah Toha, ayat 114.

- ~ Tenang dalam menghadapi ketegangan.
- ~ Adil dalam semua perkara.
- ~ Kemajuan diri dari pelbagai aspek.
- ~ Penyesuaian diri dalam apa jua keadaan.
- ~ Harga diri.

Islam membenarkan pemerintah menyoal siasat rakyatnya secara terhormat dan berhak memberi nasihat serta teguran agar segala kejahatan dan kemungkaran dapat dibendung dan dikawal. Penyiasatan dilakukan melalui lunas-lunas tertentu, bukan secara menghina, mencerca dan mengugut sebelum perkara itu diadili. Islam juga membenarkan pembelaan diri semasa sesi soal siasat. Islam juga membenarkan rakyatnya menyoal, menegur dan menasihati pemerintahnya dengan cara-cara yang musyawarah dan dengan perbaasan yang baik. Seperti firman Allah yang bermaksud ‘Serulah kepada Tuhanmu dengan hikmah dan dengan nasihat yang baik, dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih baik’.<sup>6</sup> Sebagai contoh, Sayidina Umar Al-Khattab, Amirul Mukminin, salah seorang Khulafa’ur Rasyidin, mengucap syukur apabila ada lagi rakyatnya yang sudi menegurnya.<sup>7</sup>

*Tidak hairanlah di zaman serba moden ini jika ada seseorang yang berani menegur pemerintah atau pemimpin yang tidak menurut lunas-lunas kepimpinan dianggap sebagai seteru walaupun teguran itu adalah untuk kebaikan dan membina sesebuah masyarakat atau organisasi.*

Sayidina Umar pernah mengajak rakyatnya berhimpun di masjid. Kemudian naiklah beliau ke atas mimbar dan berpidato; ‘Wahai sekalian Muslimin, apa kamu akan katakan kalau aku sudah cenderung dengan dunia, sedangkan aku takut bersalah? Maka tiada seorang pun di kalangan kamu yang sanggup menegah kerana membesarakan aku. Jika aku baik, tolonglah aku, jika aku bersalah betulkan aku’. Kemudian seorang lelaki berkata: ‘Demi Allah, jika kami lihat engkau telah keluar daripada kebenaran, nescaya kami akan kembalikan engkau kepada kebenaran’. Melompat seorang lelaki lain pula, lantas berkata: ‘Demi Allah, ya Amirul Mukminin, jika kami melihat engkau menyeleweng, nescaya kami akan betulkan engkau dengan pedang-pedang kami’. Kemudian Sayidina Umar berkata: ‘Moga-moga Allah merahmati kamu. Segala puji bagi Allah, yang telah menjadikan ada kalangan kamu orang yang akan meluruskan Umar dengan pedang-pedangnya’.

Adakah terdapat pemerintah atau pemimpin yang sanggup ditegur sebagai mana Sayidina Umar ditegur oleh rakyatnya? Jawapannya hanya ada pada seseorang yang digelar PEMIMPIN. Hanya segelintir dan bilangannya boleh dikira dengan jari di kalangan pemimpin yang sanggup ditegur sebagaimana Sayidina Umar Al-Khattab; namun bagi pemimpin yang sebaliknya pula begitu banyak bak cendawan tumbuh. Tidak hairanlah di zaman serba moden ini jika ada seseorang yang berani menegur pemerintah atau pemimpin yang tidak menurut lunas-lunas kepimpinan dianggap sebagai seteru walaupun teguran itu adalah untuk kebaikan dan membina sesebuah masyarakat atau

<sup>6</sup> Al-Quran, Surah An-Nahl, ayat 125.

<sup>7</sup> Ustazah Khadijah AAM, Assalamualaikum Dato' Seri PM, Asoib International, Sep 1993, hal 3.

organisasi. Kepujian tetap menggunung walaupun pemimpin itu melakukan kezaliman dan kemungkaran.

Dalam zaman serba maju ini, masih ada juga pemimpin yang hanya pandai berpura-pura dengan kata-kata yang manis. Oleh itu apabila sesuatu tanggungjawab yang diberi kepada seseorang pemimpin itu, ia sepatutnya digalas dengan amanah dan bijaksana dalam segala aspek semoga mendapat keberkatan dan keredaan Allah di hari pembalasan (akhirat) kelak. Pemimpin sedemikian amat diharap-harapkan di dalam sesebuah organisasi atau masyarakat. Sejauh mana sifat-sifat begitu terdapat pada seorang pemimpin, hanya seseorang yang bergelar *Pemimpin* dapat menilainya.

Firman Allah bermaksud: ‘*Katakanlah, jika ayah, anak-anak, saudara-saudara, isteri-isteri, kaum keluarga, harta yang kamu miliki, perniagaan yang kamu takuti kerugiannya dan rumah yang kamu sayangi itu, lebih kamu cintai daripada Allah dan Rasul serta daripada berjihad di jalanNya, tungguallah Allah akan mendatangkan seksaanNya. Dan Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang yang fasiq*’.<sup>8</sup>

## PENUTUP

Kepimpinan adalah merupakan aspek terpenting di dalam menerajui sesebuah organisasi mahupun masyarakat. Setiap pemimpin perlu mempunyai kualiti kepimpinan yang tinggi di samping mempunyai nilai-nilai keperibadian yang mulia serta berakhhlak murni untuk menerajui sesebuah organisasi atau masyarakat. Tidak dinafikan dalam menuju alaf baru pemimpin terpaksa mengharungi cabaran-cabaran tertentu. Setiap pemimpin perlu mengadakan strategi atau pelan tindakan tertentu bagi menghadapi cabaran akan datang. Dalam Angkatan Tentera khususnya, setiap pemimpin beragama Islam perlu menghayati dan menerapkan nilai-nilai keislaman dalam diri masing-masing untuk menjadi seorang pemimpin yang berkesan dalam memimpin anggota yang majoritinya beragama Islam. Firman Allah s.w.t ‘*Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul (Muhammad) dan (juga) janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakan kepadamu*’.<sup>9</sup>

<sup>8</sup> Al-Quran, Surah At-Taubah, ayat 24.

<sup>9</sup> Al-Quran, Surah Al-Anfal, ayat 27.



PW II Ramlan bin Agus telah berkhidmat dalam Angkatan Tentera sejak tahun 1980. Dengan kegemaran beliau membaca buku-buku ilmiah, beliau telah berjaya menghasilkan satu penulisan yang mampu mencetuskan minda pembaca. PW II Ramlan kini bertugas di 91 Depot Bekalan Pusat.

# Defence Diplomacy

## *In The*

## 21ST CENTURY ENVIRONMENT

Oleh: Kol Zubir @ Zubin bin Yahya

### DEFINITIONS

**A**t the outset, in order to discuss in depth the subject of defence diplomacy in the next century, it is appropriate to define and describe some of the related issues and terminologies, which are as follows:

- \* **Total Defence.** This is the cornerstone of a state's defence policy. Total defence comprises psychological defence, social defence, economic defence, civil defence and military defence. Through total defence, every sector of the society is mobilised and has a part to play in a country's security.

- \* **Internal Stability.** A strong national defence must be complemented by stability within the country. In fact, total defence and diplomacy would not be effective without internal stability, which means maintaining and working towards social cohesion, harmony and tolerance. Internal stability reinforces a strong defence to enhance the deterrent capability.

- \* **Psychological Defence.** It is the individual citizen's commitment to the nation and the confidence in the future of

a country. Psychological defence supports social, economic, civil and military defence.

- \* **Social Defence.** It concerns people living and working together in harmony. Social defence builds upon psychological defence, providing the 'social glue' to undergird economic, civil and military defence.

- \* **Economic Defence.** It is the government, business and industry organising themselves in such a way that the country's economy will not break down in war or under threats of war. It involves the economic sector sharing material and manpower resources to meet the needs of civil and military defence.

- \* **Civil Defence.** Provides for the safety and basic needs of the whole community so that life may go on as normally as possible during emergencies. Civil defence complements military defence.

- \* **Military Defence.** It is having an armed forces able to deter aggressions. It is the capability of the armed forces to act effectively and decisively should deterrence and diplomacy fail.

\* **Diplomacy.** Encyclopaedia Britannica remarked in 1870 that, '*what we know of diplomacy was long regarded... partly as a kind of activity morally somewhat suspect*'. The word *diplomacy* is now commonly used in the sense of being tactful or being good at personal relations, a sense which is new enough not to be included in the Oxford English Dictionary.

Generally, views on the exact definitions of defence diplomacy will no doubt differ. One may even say that the very words defence and diplomacy are actually contradictory and could even be oxymoron. Defence diplomacy may be seen as a phenomenon in which those persons related to defence (or often referred to as '*the defence people*') meet not to discuss defence issues but basically on issues related to defence. It is not a defence meeting as such. Such a meeting is related to defence but not an alliance meeting, per say. Such meetings too normally discuss on the general environments and sometimes briefly on developments and other related matters. In the process, hopefully, the informal networking as a result of such meetings may be useful and provide the necessary assistance in the event of a crisis. In essence, defence diplomacy is described as the wide variety of high level professional contacts and policy related military to military activities between nations.

*... defence diplomacy is to dispel hostility, built and maintain trust thereby making a significant contribution to conflict prevention and resolution.*

*Defence diplomacy activities can be extended to encompass arms control and non-proliferation, military assistance and co-operation, military trainings excercises and education.*

Defence diplomacy initiatives and activities range from formal mechanism such as high level meetings, round table discussions among experts, personnel exchange programmes and confidence building measures to the informal contacts that occur during receptions, meetings, telephone conversations and sports activities such as golf. The principal aim of defence diplomacy is to dispel hostility, build and maintain trust thereby making a significant contribution to conflict prevention and resolution. Defence diplomacy activities can be extended to encompass arms control and non-proliferation, military assistance and co-operation, military trainings, exercises and education. Defence diplomacy as a concept was conceived on the premise that building mutual trust and confidence amongst the defence or military community is a vital element in the promotion and maintenance of peace and stability. Defence diplomacy is therefore an essential centrepiece to the tasks of armed forces. Military personnel, therefore can be the most effective ambassadors.

Frequent contacts, either formal or informal, among personnel of different countries can certainly promote a better understanding, goodwill and mutual respect for one another. Exposure to one another's armed forces' capabilities and national security policy will enhance transparency and dispel any suspicion of one another's national intention.

## BETWEEN DEFENCE AND DIPLOMACY

The partnership between defence and diplomacy however, is not guaranteed always to be smooth. Both are perhaps a bit like siblings in some respects. But together, we have dedicated ourselves steering the world to a better place and to giving the world a safer, more prosperous future. A soldier prepares to fight and win a war and that state of readiness in itself helps diminish the prospects of military operation. In this respect, armies as national and institutional actors may be an important element of regional solidarity and cohesion, in their co-operative endeavours of a bilateral and sometimes of a multilateral nature. One former Armed Forces Chief in the ASEAN region has described this particular role as indicative of 'warrior diplomacy' or 'soldier diplomacy'.<sup>1</sup> A diplomat is always involved in operations, in problems beyond our borders, in a state of constant actions, working to resolve today's disputes and balancing the myriad and sometimes conflicting economic, political and security interests of the nation. In simple terms, if diplomacy fails then the soldier will have a very hard work to do. If diplomacy succeeds, human lives and hardwares are preserved. What will our tasks be in the coming of the next millennium? We carry out our mission in a dramatically different

geopolitical environment from the one in which our predecessor was raised. That change of circumstances has left us with two questions to answer: Firstly, when should the military be engaged and, secondly when military force is to be used, how is that force justified?

## SOME OF THE MAJOR ISSUES

*... conflicts were muted behind the Iron Curtain, or were allowed to play out in venues that did not directly affect the vital interests of the other side.*

*Some ethnic conflicts were suppressed in the Cold War; others exploited. The Cold War placed a certain constraints on some actions and actors. Without those constraints, many countries have felt freer to pursue their interests*

Before proceeding any further, it would be pertinent to see some of the important developments in some of the regions/powers of the world based on the following factors:

- \* **Post-Cold War In Asia Pacific.** It is important to appreciate the real nature of the Cold War before one can conclude whether it has in fact ended and if so, whether it makes much difference to developing countries. The process of dismantling the Cold War inspired order is believed to be not at all complete and no new international order has in fact come into being. Nothing really changed fundamentally with the collapse of the USSR; the attendant problems remained unresolved if not heightened. What may however be discernible are the directions and the trends of some of the parameters of the emerging alliance of forces and new strategic equations that are being conceived or explored.

<sup>1</sup> Interview with Tan Sri Hashim Ali, Gen. former Chief of The Defence Forces, Malaysia as part of study entitled Peacetime Military Leadership, 1994.

<sup>2</sup> Xingyang and Weibing, *Guiding Thoughts on National Defence Construction*, quoted in ASIA Strategic Review 93-94.

\* **Possible Rise of China.** Of the many important developments, China's assumption of a high strategic profile is critical. China has not only asserted herself in the Asia Pacific with regard to issues such as the Spratleys – and Taiwan but perhaps also see herself as successor to the erstwhile USSR in contending with and even confronting the USA. Military modernisation was to be unimplemented '*on step-by-step basis and integrated with the development of the economy*'.<sup>2</sup> The return of Hong Kong to China in 1997 has further enchanted her effort to stabilise China's position in the region, particularly in economic terms.

\* **USA's Role in Asia/SEA.** The predominant world power continues to be the United States of America. There has been extensive debate about the possibility of US withdrawal from an active presence in Europe and the Asia Pacific. However, the Gulf War, the presence of US troops in Bosnia and the US response to China's war games off Taiwan in March 1996 underlined the US capacity and will to act when pressed to do so although it states a preference for a multilateral action. Nevertheless it is interesting to note whether the US will remain committed in ASIA/SEA or not will depend very much on her pursuits of strategic interest and exercise of power.

\* **ASEAN.** There are continual problems prevailing within ASEAN itself. The overlapping claims on Sipadan – Ligitan and the Spratleys among some of the ASEAN countries as well as those outside ASEAN, are still outstanding and

could still be regarded as a possible flashpoint of the future. However, most of the security issues are normally resolved at the ASEAN Regional Forums. The members of ASEAN come close to a shared vision of a shared destiny, but strengthening ASEAN's identity and solidarity remains an elusive undertaking. On the other hand, ASEAN has been instrumental in its dialogues with its external partners, especially in securing economic advantages, and much hope has been expressed that its deliberation through the ASEAN Post-Ministerial Conference (PMC) and the ASEAN Regional Forum (ARF), instituted with its first meeting in 1994, are avenues for regional enhancement not only in Southeast Asia but in the wider Pacific Asian region as well.<sup>3</sup> Generally, there are two categories of key regional political security risks which are international/external and of regional origin:

- ~ The consequences of a crisis in the Korean Peninsula.<sup>4</sup>
- ~ Threat posed by The People's Republic of China, not only in military terms but also with regard to economic competition (cheap labour) and demographic pressures.
- ~ The danger of conflicts among India, China and Japan concerning the strategically important sea-lanes of communication (Strait of Malacca, Indonesian Archipelagos and South China Sea).

<sup>2</sup> Prof Zakaria Ahmad, *Issues and Prospects In the Security of SEA* AGENDA, Vol 1 Sep 1998, p 27-36.

<sup>4</sup> Sir James Catton, *The Military Factor In South Korean Politics*, in *ibid*, p 203-20.

- ~ Ambiguous borders dating from colonial periods.
- ~ Maritime Piracy.

## THE ALTERED SECURITY ENVIRONMENT

During the Cold War, countries were often reluctant to pursue political goals that were not generally shared by one of the superpowers. Often conflicts were muted behind the Iron Curtain, or were allowed to play out in venues that did not directly affect the vital interests of the other side. Some ethnic conflicts were suppressed in the Cold War; others exploited. The Cold War placed certain constraints on some actions and actors. Without those constraints, many countries have felt freer to pursue their interests. In doing so, some have felt free to use force. Conflicts have erupted in the Balkans, the Gulf, Africa and elsewhere. In many cases, the conflicts were started by bad actors. Where significant interests are at stake, the military has had to ratchet up quickly from an exclusive reliance on traditional diplomacy, to diplomacy backed by the credible threat of force, and ultimately to the actual use of force. The question of when to engage politically or militarily is absolutely the key issue. Whether the problem is military conflict or major economic and social disruptions, we must meet the responsibilities of our national and international interests. Yet, there are clear moral dilemmas in choosing to help in some situations and to allow sufferings to continue in others.

Determining where our national interest lies would seem to offer a defining criteria for making these decisions. Defending our nations is an honourable task that we are so

magnificently paid by the taxpayers to carry out. But in a world knit so closely together politically, economically and geographically, it is harder to draw a line and identify where our national interests begin and end. A conflict that boils out of control in one part of the world can injure our economy or limit our access to natural resources. Diseases, narcotics and terrorists, which proliferate in areas of unrest, travel all too easily across borders. From their inception in the troubles of a faraway land, they can quickly have a direct impact on our nation. Do we deal with them while they are far from our borders and prevent their spread? Do we wait until friends, allies and markets are infected? Or do we only do battle at the water's edge? The difficult question is determining the degree to which we take the lead in resolving the problem. Perhaps most difficult for us to sort through are situations where military force has become essential to restoring order. Happily, these are not the norms. Unhappily, they appear to be growing in number, and they occupy more of our leaders' time and focus.

## USE OF MILITARY FORCE

Decisions on whether and how to use or threaten military force have become more complicated in the post-Cold War period. National interests are the natural starting points for any such decision. We have in the past resisted to the danger of defining our national interests narrowly, and in today's interconnected world we surely cannot afford to do so. The danger comes from conflicts spilling across boundaries and displaced persons surging across frontiers undermining neighbouring states and destroying regional stability. Problems such as the proliferation of weapons of mass destruction complicate further the issue of the use of military force. These problems require a broader

view of our national interests and confront us more often with serious decisions about intervention.

One key issue before us is when do we use military force to back up our diplomacy and how do we pair military force and diplomacy? Most problems among nations are solved by straight-up diplomacy. Sometimes this comes in company with 'benign force' that is, peacekeeping or the possibility of the use of force that is inherent in our national strength and readiness. In those situations, soldiers and diplomat naturally complement one another, the soldiers prepare for war, their readiness deters aggressors, and both, in turn, strengthen the diplomats' hand in building a lasting and effective political settlement.

The most difficult situations are those that require using military force. In facing them, military and civilian leaders need to combine their expertise and counsel to determine the best course of action. Essentially, we have four tools at our disposal. The first is the threat of force. But, to be effective, a threat of force should only be used when very significant national interests require them and when there is the political will to carry out the threat. Applied in that fashion, the threat of force can be very effective. In Kosovo, for example, NATO's activation orders have brought the parties back from the brink and put pressure on them to negotiate a peaceful settlement.

When the threat of military force does not suffice, nations can act unilaterally; it can act

with its partners in regional organisations, or it can act within a coalition of the willing, as in the Gulf War, under UN auspices. Each of these approaches has advantages, and each is appropriate in different circumstances. Generally speaking, it is easier to legitimate actions that are taken with others. While superpowers will never, under any circumstances, renounce its right to act alone, they clearly face less criticism when they act with others and gain greater practical and political support. Joint actions tend to isolate the aggressor, whereas, unilateral actions carry with it the danger that the country or group acted against, gains sympathy from others in the international community. On the other hand, a multilateral engagement takes longer to put together and is more complicated to carry out. One will find that the armed forces have always been parts of the coalition efforts, and one must be appreciative of the fact that their attention to the international relations and cultural understanding in the overall curriculum to prepare them to face the challenges ahead has been positive. At the same time, the burden of international peace and stability must be shared and

continue to urge our friends and allies to build up their capabilities. We have looked at the ways in which diplomacy and military work in harmony from both ends of the scale. That is, from basic diplomatic, economic and assistance actions at one end, to the far end of the scale where actual use of military force is required to achieve national goals. There is a second question: what is the mandate or basis for using force?

pertahanan terhadap sesuatu sistem maklumat pihak yang dicerobohi.

- ~ **Penganas Siber, Broker Maklumat dan Penjenayah Antarabangsa.** Kebiasaan motifnya sama iaitu untuk individu tertentu di mana ancamannya berunsur kewangan dan politik.

- ~ **Perisikan Tentera Luar Negara.** Mempunyai motif dengan tujuan menimbulkan konflik atau menentang sesuatu dasar negara tersebut. Maklumat yang sering menjadi sasaran mereka melibatkan operasi ketenteraan. Segala maklumat yang diperolehi ini akan digunakan semula semasa kemuncak krisis atau semasa pertempuran.

- ~ **Orang Dalam.** Kebiasaan atas sebab kewangan dan rasa tidak puas hati atau ingin membala dendam terhadap sesebuah organisasi atau individu tertentu.

- Sumber yang selalu digunakan bagi menjayakan segala tindakan mereka ialah dengan menggunakan perisian virus atau bom logik. Fungsi setiap sumber yang digunakan adalah seperti berikut:


- ~ **Virus.** Terdapat berbagai jenis virus pada masa kini dan yang terbaru adalah

virus 'Chernobyl' (CIH) dan 'Melissa'. Virus ini akan memusnahkan segala data dan program yang terdapat di dalam sesuatu sistem maklumat. Virus ini boleh dihantar oleh mereka yang melakukan serangan IW melalui internet.

~ 'Chipping'. Sejenis cip mikro yang juga dikenali sebagai kod perosak, contohnya seperti bom logik, 'Trojan Horse' dan 'Worms'. Semua cip ini boleh dimasukkan ke dalam komputer sistem maklumat semasa pembelian (tanpa disedari) kerana kebanyakannya peralatan teknologi maklumat dibeli dari negara luar dan cip ini boleh diaktifkan secara 'Remote'.

### LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENANGANI ANCAMAN IW

IW telah dikenal pasti berpotensi memberi ancaman yang serius pada era akan datang. Bagi menghalang perkara ini daripada menjelaskan keselamatan yang secara tidak langsung akan menggugat kedaulatan negara, langkah permulaan ialah mengawal keselamatan dan pengedaran setiap maklumat. Beberapa langkah yang difikirkan sesuai bagi menjaga dan memelihara keselamatan maklumat terutamanya maklumat yang berdarjah ialah:



Implikasi yang lebih buruk akan berlaku kepada sistem pertahanan negara kerana kemampuan struktur pertahanan negara telah terjejas disebabkan tindakan dan serangan IW. ... akan menyebabkan sistem maklumat pertahanan mudah ditembusi kerana segala infrastruktur terutamanya komunikasi telah dikuasai musuh

\* **Mewujudkan Pasukan Petugas Khas IW.** Pasukan ini perlu diwujudkan bagi menjaga, mengambil tindakan, mencari jalan atau formula tindak balas IW serta mengesan sebarang bentuk potensi serangan IW. Kerajaan melalui Badan Keselamatan Negara perlu berbincang dengan pihak-pihak yang terlibat dengan pertahanan negara seperti ATM dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi membentuk satu pasukan yang mempunyai fasilitas dan efisien dalam mempertahankan keselamatan maklumat negara. Pasukan ini perlu menjalankan kajian terhadap setiap kelemahan yang terdapat di dalam struktur teknologi maklumat negara dan mengambil langkah-langkah yang wajar dalam menangani gejala ini.

\* **Menggunakan Teknologi Ciptaan Tempatan.** Meningkatkan tahap penggunaan peralatan teknologi ciptaan tempatan boleh membantu menangani gejala ini. Setiap penciptaan perlulah diuji sistem pertahanannya dari sebarang bentuk pencerobohan atau pemintasan.

\* **Mengenal Pasti Individu.** Setiap individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan sistem maklumat perlu menjalani tapisan keselamatan (security vetting). Hanya individu tertentu sahaja yang dibenar mengendalikan segala maklumat berdarjah yang melibatkan pertahanan, politik maupun kewangan.

\* **Menggunakan Kata Laluan (Password).** Penggunaan kata laluan atau 'Password' perlu dikuatkuasakan terhadap semua sistem maklumat yang mempunyai maklumat berdarjah dan pengendaliannya

hanyalah kepada beberapa individu tertentu sahaja. Ini bagi memudahkan pengesahan sebarang kebocoran maklumat.

\* **Mewujudkan Sistem Pengesahan Maklumat.** Kerajaan perlu mewujudkan satu sistem pengesahan bagi menentukan siapa yang dibenarkan menghantar atau membaca dan kepada siapa maklumat itu hendak dihantar dengan mewujudkan kemudahan tandatangan digital serta kelayakan seseorang itu mengikut taraf darjah keselamatan sesuatu maklumat.

## RUMUSAN

Berdasarkan kepada segala fakta kajian melalui beberapa sumber rujukan yang diperolehi tidak dinafikan bahawa ancaman IW ini tetap wujud sama ada semasa aman maupun semasa konflik. Ancaman IW ini tidak hanya tertakluk kepada sektor kerajaan atau organisasi pertahanan sahaja bahkan meliputi sektor awam serta infrastruktur utama; kerana setiap sektor atau individu berkait rapat antara satu sama lain terhadap pembangunan, kestabilan ekonomi dan keselamatan negara.

Potensi bagi setiap maklumat dicerobohi, dimusnahkan, dirosakkan atau dimanipulasi tetap tinggi walau secanggih atau sebaik manapun sistem maklumat tersebut kerana perkembangan terhadap ancaman serangan IW berlaku seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Ini disebabkan oleh konsep dan elemen yang digunakan di dalam serangan IW bergantung kepada kecanggihan teknologi yang sedia ada atau yang akan datang.

Dari segi langkah keselamatan maklumat pula, walaupun langkah-langkah yang wajar telah diambil dan dianggap terbaik namun harus diingat bahawa tidak semua individu di dalam mahupun di luar organisasi tersebut boleh dipercayai kerana pada zaman moden ini kepentingan material merupakan ciri utama kehidupan. Oleh yang demikian pembocoran maklumat tetap wujud, cuma langkah-langkah pencegahan perlu diambil perhatian yang serius bagi mengurangkan risiko kebocoran maklumat dari terus meningkat.

Untuk menangani ancaman IW dan kesannya terhadap keselamatan negara, keutamaan peruntukan kewangan bagi meningkatkan struktur pertahanan negara dan projek penyelidikan pertahanan perlulah diberi keutamaan. Misalnya Amerika Syarikat menyediakan peruntukan USD 1.6 bilion untuk projek pertahanan sistem maklumat tenteranya sahaja.

## PENUTUP

Ancaman IW bukanlah tanggungjawab pihak kerajaan khususnya tentera semata-mata bahkan merupakan tanggungjawab semua rakyat dalam memastikan keselamatan setiap aliran maklumat. Keselamatan negara bergantung kepada sejauh manakah kebocoran maklumat negara kepada pihak luar atau yang tidak bertanggungjawab dan ia menjadi tanggung jawab semua dalam mempertahankan keselamatan serta kedaulatan negara selaras dengan konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH). Diharap juga pihak kerajaan serta agensi tertentu memandang serius ancaman isu peperangan maklumat (IW).

## RUJUKAN

The New York Times, 5 Jun 96.

Berita Harian Online - <http://www.jaring.my/bharian>, 4 Dis 97.

Berita Harian Online - <http://www.jaring.my/bharian>, Jun 97.

Sun Tzu, The Art of War. Terjemahan oleh Samuel B Griffin, Oxford University Press, 1971.

Approved Terminology, Joint Pub 1-02, DOD Dictionary, (updated) Apr 1997.

Richard W Aldrich, The International Legal Implications of Information Warfare' Institute for National Security Studies (INSS), Colorado, Apr 96.

Philip H. J Davies, Information Warfare and Its Implications for Future Intelligence Services, London, Nov 97.



Kapt (Tfsk) Mhd Azam bin Basiron telah dinauliahkan sebagai Pegawai Tugas Khas dalam Kor Sembilan Diraja pada bulan Jan 96 setelah berkhidmat selama 16 tahun sebagai anggota Lain-lain Pangkat dalam Ketukangan Jurusistem Perhubungan Semboyan Diraja. Beliau telah menghadiri beberapa kursus termasuklah Kursus Asas Peperangan Elektronik Pegawai ATM. Beliau kini bertugas di Institut Komunikasi dan Elektronik Tentera Darat (IKED) sebagai Jurulatih Kumpulan Penyelia.

## INTRODUCTION

**T**he word **accident** often obstructs the study of injury prevention. The word suggests an event that takes place without foresight or expectations, yet such events as a group are not random and do not occur by chance; they can be expected to

provokes various levels of frustration in the professional safety community.

One ongoing battle fought by the Malaysian Army is the ceaseless combat against traffic violations and road traffic accidents. Throughout the world this problem is universal and more young drivers are accident prone above the average.<sup>1</sup> Their limited amount of both driving experience and life experience play a

# Combating Road Traffic Accidents In The Malaysian Army:

# The Role Of The Royal Medical Corps

Kol (Dr) Arichandra al Nadarajah

happen, even if the time, place and precise circumstances cannot be foreseen. When the word is used to describe human error, it frequently does so in a way that inhibits examination of the factors contributing to the error and consequent injury. The public usually associates the word with an event, not with the damage that results. For example, many people understand **accident** to mean a car crash, rather than the transfer of energy associated with the crash. This distinction is important to the science of injury prevention because air bags or design features can prevent the transfer of energy, which causes injury, even if the **accident** (e.g. car collision) occurs. Moreover, the word **accident** has acquired a religious connotation, an '*act of God*', which makes it a particularly poor choice to describe unintended events or catastrophes. People try to excuse negligence such as drinking and driving by claiming that accidents are beyond their control - defence that too often has been successful. Overall, the word

major role in their high accident rate. These young drivers quickly acquire the motor co-ordination and skill required to master control of a vehicle; however, they take a great deal longer to acquire the cognitive skills required to perceive hazards, to interpret what has been perceived, and to act upon the hazardous situation.

There is a substantial body of evidence supporting the hypothesis that all these factors taken together seriously affect the probability of an accident.<sup>2</sup> Military drivers work in urban and field conditions, sometimes for many hours,

<sup>1</sup> William AF, Carsten O. *Driver Age and Crash Involvement*, Am. J. Public Health 1989; 79:326.

<sup>2</sup> O' Joole B: *Intelligence and Behaviour and Motor Vehicle Accident Mortality: Accident Analysis Preview*: 1990: 22: 211. Levy DT: *Youth and Traffic Safety: The Effects of Driving Age, Experience and Education*. Accident Analysis Preview 1990: 22: 327. Smith DI Klinkham RW. *Relationship Between Intelligence and Driving Records*: Accident Analysis Preview: 1982: 14: 439.

which cause physical and mental exhaustion. Each year, The Malaysian Army suffers loss of young lives in traffic accidents (partly during days off). The impact of road traffic accidents in the Malaysian Army is difficult to overlook. Even exceeding death in combat, road traffic accidents are the leading cause of death in the Malaysian Army and a major cause of disability and loss of working days.

In a retrospective study done by this author, it was found that road traffic accidents were the No. 1 killer from 1969 to 1999 in the Malaysian Armed Forces as compared to combat and operational deaths, deaths due to heart diseases, neoplasm's and other causes of death.

Road traffic accident mortalities totalled 1,585 deaths over the 30-years period in the Malaysian Armed Forces as compared to 305 deaths due to heart diseases, 227 deaths due to neoplasm's and 1,282 deaths due to various other causes. This alarming state of affairs warrants a complete review of this problem by the authorities concerned. In this paper, the author shall attempt to present the essential role of military doctors in this battle against road traffic accidents and their subsequent reduction in mortality rate. Vehicular crashes should be regarded as a public health problem and not as unavoidable accidents, behavioral problems, or a law enforcement problem.

Given the multifaceted nature of road safety, it is of utmost importance that responsibilities should be really looking beyond the efforts of the military police and traffic authorities. These responsibilities also rest upon the public health and educational institutions, the insurance companies, and the legislature for enacting occupational health and safety laws relating to driving in the workplace. This can be a major contribution for developing the

activities that will cope with the problem of military traffic accident<sup>3</sup>.

### EVALUATING FITNESS TO DRIVE: MEDICAL ASPECTS

The Royal Medical Corps should prepare a special format only for drivers to determine their ability to drive a motor vehicle safely. In other words, after basic training and being drafted into the Royal Malaysian Service Corps as drivers, these soldiers will be thoroughly examined again. They will undergo a battery of medical examinations to rule out inability to drive (e.g. epilepsy, severe ophthalmic problems, etc.). This military coded guide should be compiled in consultation with experienced military doctors in various specialities.

The physical and mental demands made on a motor vehicle driver vary greatly with the type of vehicle involved (Land Rover; staff cars, 3 - tonners, ambulances, etc.). Chronic problems including orthopaedic disability, decreased visual acuity, or impaired hearing compromise driving ability. Soldiers with severe medical and psychiatric problems will not serve as drivers. Some illnesses, i.e. surgical intervention or an application or removal of plaster casts, may result in general or local weakness, pain or limitation of movements, especially if an emergency manoeuvre is required. Thus, military doctors should restrict these soldiers from driving on a temporary basis. They should assess each patient individually and instruct those affected (including the commanding officers) of the dangers of driving while under such limitations.

<sup>3</sup> Charles P. *Road Safety 2000 Plan*

The accumulated scientific evidence is still insufficient to allow assessment of the degree of driving impairment resulting from any specific medical disability.<sup>4</sup> However, our standards should represent collected expert medical opinions and should be intended to impose common sense restrictions on drivers with medical defects.

### REPORTING MEDICALLY UNFIT DRIVERS

Driving is something of a basic right for every citizen. However in the military it should be made that the military doctors' duty to report every medically unfit driver to the Royal Medical Corps Headquarters. It is the doctors' duty to the community and the driver who has a disability not to allow him to drive as this might threaten his ability to drive safely.

Our medical boards on drivers who are downgraded for various reasons should be updated and maintained regularly so as to monitor their health profile.

### DRIVING FITNESS OF DRIVERS INVOLVED IN TRAFFIC ACCIDENTS

Military drivers involved in accidents should be interrogated by the military police. Should the driver mention that he suffers from a medical problem which might have caused the accident, then he should be sent for a further medical check-up to evaluate his health

condition. Several authorities have reported an accident - proneness in some drivers, at least for short periods. Drivers involved in accidents in the past have been found to have a higher probability for further accident involvement.

### RESEARCH

Research is an important aspect of traffic accident prevention. Road safety research is carried out by specialists in a wide range of disciplines. In our context, besides the medical, we should also get the legal, religious and military police and key personnel in ground units to be in our research team. Since the human factor is the most important single factor responsible for motor vehicle accidents, military doctors must initiate and participate in research designed to determine the relationship between physical and emotional factors in the aetiology of road traffic accidents. There is a great need for accident proneness studies with the participation of doctors and psychiatrists/psychologists. It would be worthwhile to assess all road traffic accidents in our Army in order to identify several medical/psychiatric factors predisposing drivers to accident involvement. That is to say, to do a 5-year retrospective study on drivers involved in accidents to form a base line study on drivers involved in accidents and accumulate all this information as a database. This would be a relatively easy follow - up possible in the Army and it renders an excellent laboratory in the field of traffic accident research. It would also help to have education campaigns in this field as it would generate greater compliance if the guidelines are based on clear scientific data rather than merely consensus which is open to challenge.

<sup>4</sup> Waller JA: *Chronic Medical Condition and Traffic Safety*. N. Engl J. Med 1965; 273: 1413. Friedel B: *Fitness Standards for Drivers*. J. Traffic Med 1991; 19: 55

## EDUCATION

Changing accident-prone behaviour patterns is an important task in the battle against traffic accidents. Success in this campaign might be aided by fostering an atmosphere of wide - spread informal disapproval of irresponsible and inconsiderate road-users. The personal threat that this irresponsible behaviour poses to everyone - drivers, passengers, and pedestrians should be emphasised. Such a message, when launched convincingly, can over time change even deep-seated undesirable behaviour patterns of road users, thereby reducing the number of accidents.

The comprehensive educational program of the Royal Medical Corps should consist of a two-step-policy. Firstly, military doctors should be reached through lectures and correspondence. They should receive information about the importance of the program in view of the severe epidemiological consequences of traffic accidents in the Malaysian Army.

## ANALYSIS OF CAUSES OF ALL DEATHS IN THE MALAYSIAN ARMED FORCES

1969 - 1999

This retrospective study was done by this author from the period 1969 - 1999.

Information was obtained from the Annual Health Returns from Medical Directorate.

The total deaths from all causes for this period totalled 3,786 deaths. The breakdown is as follows:

- \* Road Traffic Accidents - 1,585 deaths (41.86%).
- \* Operational Duties - 388 deaths (10.24%).
- \* Hypertension/Heart Disease - 305 deaths (8.05%).
- \* Malignant Neoplasm's - 227 deaths (5.99%).
- \* All Other Causes - 1,282 deaths (33.86%).

The second step will include periodic lectures concerning road traffic accidents given by military doctors to their soldiers (not only drivers) in all Army units.

Special issues to be covered in this lecture should include:

- \* Statistics concerning traffic accidents in the Malaysian Army.
- \* Physiologic factors (fatigue, sleep deprivation) and medical aspects in traffic safety.
- \* The young drivers.
- \* Driving under the influence of alcohol and drugs.
- \* Modifying accident prone behaviour and teaching '*prudent driving*' while analysing with the soldiers some near -



The public usually associates traffic accident with an event, not with the damage that results

accidents from their own experience. It appears that in order to tackle the problem of the road accidents involving young people, one should focus on the behaviour of the young road user and the ways this behaviour is expressed. Thirion has shown that such an educational campaign (lectures, video film, etc.) can change attitude and traffic behaviour. By his study, it was concluded that the most effective way to change drivers behaviour is by means of information on correct and safe driving behaviour.

Thus, when beliefs and attitudes are altered, intention will then change, and behaviour will subsequently be modified.

## CONCLUSION

The traditional role of the military doctor is to treat injured patients in the post - crash

phase.<sup>5</sup> The victim is often unconscious and suffers multiple traumas which is a challenge to the doctor to resuscitate and save this patient. However, our doctors should address the problem in a different way and consider other phases, especially the pre - crash phase, i.e. prevention.

The Army Field Command, appalled by intends the rising number of deaths in the Malaysian Army, due to road traffic accidents, intends start and assign high priority to the subject of road accidents prevention. It would activate a combined plan of action in an effort to change accident - prone behaviour patterns through a carefully designed training program for its drivers and through Army - wide education and enforcement.

The Royal Medical Corps has a very important role in this campaign. The doctors' task should begin with the setting of minimum medical criteria for the qualifications to drive the different vehicles in the Malaysian Army. Driving trainees who develop medical and other problems during their basic training should be assessed by the nearest doctor in order to see and reassess their driving fitness, and if not so, to expel them from the training course. The doctors' task continues with review of medical boards of these drivers and updating them on a regular basis.

A greater interest and joint efforts by doctors and psychologists in this field should be

<sup>5</sup> Friedel B: *Fitness Standards for Drivers*. J. Traffic Med 1991; 19: 55. Thirion EM: *Attitude and Behaviour Change of the Young Driver by Means of Persuasion Communication*. Lecture Presented at the 2nd. International Conference for New Ways for Improved Road Safety. October 7 - 10, 1991. New York. Haddon WH. *The Changing Approach to the Epidemiology, Prevention and Amelioration of Trauma*. Am J. Public Health 1968. Hamilton SM: *Coalition of Trauma Prevention and Trauma Care: Presidential Address*. Trauma Association of Canada. J. Trauma 1991; 31: 951.

encouraged, as well as more co-operations between the different activating parties. The goal of preventing traffic accidents will be achievable if all the agencies responsible for

dealing with this terrifying modern epidemic join in implementing the measures outlined herein for the Army on a wider scale.

## REFERENCES

- Williams AF, Carsten O: *Driver Age and Crash Involvement*. Am. J. Public Health 1989; 79: 326
- O' Joole B: *Intelligence and Behaviour and Motor Vehicle Accident Mortality*; Accident Analysis Preview, 1990; 22: 211
- Levy DT: *Youth and Traffic Safety: The Effects of Driving Age, Experience and Education*; Accident Analysis Preview, 1990; 22: 327
- Smith DI, Klinkham RW. *Relationship Between Intelligence and Driving Records*; Accident Analysis Preview, 1982; 14: 439
- Charles P. *Road Safety 2000 Plan*.
- Waller JA: *Chronic Medical Condition and Traffic Safety*. N. Engl J. Med 1965; 273: 1413
- Friedel B: *Fitness Standards for Drivers*. J. Traffic Med 1991; 19: 55
- Thirion EM: *Attitude and Behaviour Change of the Young Driver by Means of Persuasion Communication*. Lecture Presented at the 2nd. International Conference for New Ways for Improved Road Safety. October 7 - 10, 1991. New York .
- Haddon WH. *The Changing Approach to the Epidemiology, Prevention and Amelioration of Trauma*. Am J. Public Health 1968.
- Hamilton SM: *Coalition of Trauma Prevention and Trauma Care*; Presidential Address. Trauma Association of Canada. J. Trauma 1991; 31: 951.



Kol (Dr) Arichandra a/l Nadarajah graduated in Medicine from Mysore University, India in 1976. His postgraduate qualifications include a Masters in Public Health from University of Philippines and a diploma in Tropical Medicine and Hygiene from the Mahidol University, Thailand. He has served in the Ministry of Defence in various appointment since 1981 and is presently the Staff Officer 1 (Health) at the Army Field Command Headquarters, Sungai Besi Camp. His research interest is on Malaria and Melioidosis and has published articles and presented papers on these tropical disease in various journals and seminars.

# PERANAN BUDAYA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (*R & D*) DALAM PASUKAN-PASUKAN TENTERA DARAT

Mej Nik Mohnawi bin Nik Othman

## PENDAHULUAN

**D**alam kegairahan menuju alaf baru (Y2K), Tentera Darat (TD) tidak ketinggalan merumuskan rancangananya dengan menggembungkan penambahbaikan keupayaan pasukan Infantri, Armor, Semboyan, Jurutera dan Artileri. Ini bertujuan untuk menjana satu angkatan yang kredibel, efektif dan mampu bertindak secara langsung di dalam operasi anti-gerila, perperangan konvensional dan misi operasi pengaman Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Rancangan pemodenan ini telah digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK 8), iaitu dari tahun 2001 ke 2005. Pelbagai peralatan berteknologi baru seperti kereta kebal jenis sederhana, sistem peperangan elektronik, sistem pelancar roket MLRS, komunikasi, peralatan perisikan serta sistem pertahanan jarak sederhana telah dirancang dalam pemerolehan TD. Hal ini tersirat dalam visi Panglima Tentera Darat, Jeneral Dato' Seri Md Hashim Bin Hussein, 'Kekuatan terup akan dijuruskan kepada pengurangan kekuatan anggota dari 114,000 kepada 80,000 anggota; ia bertujuan bagi membentuk satu pemodenan angkatan yang mantap bagi menambahbaik keberkesanan mobiliti, kuasa tembakan dan komunikasi bagi bertindak balas

**'Mengetahui bagaimana manfaat cara memerhati – akan memberikan kita satu gambaran yang amat penting'**

- Leonardo da Vinci

dalam ruang lingkup yang lebih luas dalam menangani sebarang kontigensi'.<sup>1</sup>

Dalam mewujudkan satu angkatan tentera yang moden, ia tidaklah bergantung kepada peralatan dan teknologi semata-mata; kepakaran serta kemahiran yang tinggi

<sup>1</sup> Armed Forces Journal International (US), Nov 1999 hal 30.

diperlukan dalam mengendali peralatan-peralatan tersebut. Peralatan-peralatan baru diterima dijaga dan disenggarakan dengan baik agar ia mampu bertahan lama dan sentiasa boleh beroperasi. Justeru itu adalah amat penting sikap bertanggungjawab serta mempunyai budaya meningkatkan kualiti sentiasa diamalkan, agar ia dapat ditambah baik dari segi penjagaan dan senggaraan dan sentiasa boleh digunakan. Selain itu, setiap peralatan yang sedia ada perlu dikaji keberkesanannya bagi mengenal pasti masalah, kesesuaian dan modifikasi untuk mempertingkatkan prestasinya. Dengan cara ini, dapatlah ditentukan peralatan baru yang bakal dibeli dalam RMK 8 memenuhi mutu dan spesifikasi yang lebih baik daripada peralatan yang sedia ada. Oleh itu kesedaran dan peranan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dalam TD perlu diterapkan di semua formasi dan pasukan bagi mengenal pasti masalah sedia wujud; penambahbaikan, penemuan baru (inovasi) dan budaya kualiti dapat diamalkan secara menyeluruh. Dengan adanya budaya R&D di pasukan-pasukan, tahap penyaluran idea baru dijangka dapat dibangunkan bagi proses pemodenan dapat ditingkatkan dari akar umbi.

#### PENGENALAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D)

Penyelidikan ialah '*satu pencarian kepada fakta*'<sup>2</sup>. Ia boleh dilakukan terhadap apa jua subjek tetapi kaedah penggunaannya yang lebih jelas dapat dilihat dalam bidang sains. Pembangunan R&D dalam bidang sains ini tidak pernah tamat; ini kerana setiap kajian dibuat dengan teliti walaupun mengenai satu objek ringkas. Contohnya, seketul batu boleh

dianalisis secara umum bahan kandungannya, tetapi dengan kajian terperinci akan ketahui apakah komposisi atom dan molekulnya. Pembangunan pula bermaksud, '*mengembang, memajukan dan peningkatan baru sebagai hasil perkembangan selanjutnya*'<sup>3</sup>.

Pengertian secara khusus, R&D bermakna '*satu pencarian kepada fakta dan ia bermula dengan kajian penyelidikan bagi mengembang idea dan dimajukan untuk mencari satu peningkatan baru (inovasi) sebagai hasil perkembangan selanjutnya*'.

Dari awal lagi manusia telah mencuba mencari rahsia alam tempat mereka tinggal. Setiap masa mereka akan mendapat satu penemuan baru yang menakjubkan. Sebagai contoh cara mendapatkan api dan membuat periuk. Manusia zaman prasejarah telah mula mengkaji penggunaan pepejal dari batu dan sumber bumi sebagai punca mendapatkan api melalui percikan api hasil geseran dua batu. Mereka juga menggunakan batu bagi membuat lembing untuk memburu dan memotong. Mereka menggunakan daun dan kulit kayu sebagai pakaian. Tetapi melalui kajian demi kajian, diselidik dan dibangunkan, daun dan kulit kayu digantikan kepada kulit binatang yang dicat menggunakan arang dan lumpur berwarna. Ini jelas dapat dilihat melalui lukisan prasejarah di dinding gua batu. Tiada siapa tahu siapakah yang pertama menghasilkan penemuan ini.

Pada zaman Greek kira-kira 2,500 tahun yang lalu, manusia mula mencari sebab dari pemerhatian alam sekitar dengan pemikiran yang lebih mendalam. Cara mereka ialah melalui kaedah seperti mana di dalam majlis '*Plato's Republic*', mencari sesuatu kepastian melalui perbincangan. Tetapi kaedah ini tidak

<sup>2</sup> Children's Encyclopedia Britanica, International Ltd London, hal 104.

<sup>3</sup> Kamus Dwi Bahasa DBP, 1996 hal 109.

membawa penyelidik secara mendalam sehingga beberapa kurun kemudian hanya sedikit kemajuan dapat dilaksanakan.

Pada masa pemerintahan Queen Elizabeth I, pemikir terkenal iaitu Francis Bacon mencadangkan satu kaedah yang lebih baik yang kemudiannya digunakan secara meluas. Idea beliau bermula dengan membuat percubaan atau eksperimen. Melalui pemerhatian, keputusan eksperimen serta penilaian akhir akan menghasilkan satu kesimpulan kepada fakta penemuan perkara baru. Terdapat juga bidang penyelidikan yang tidak dapat diselesaikan dengan eksperimen seperti kajian bintang-bintang di angkasa lepas; hanya pemerhatian sahaja dapat dilakukan dan ia ditafsirkan mengikut apa yang dilihat melalui teropong jarak jauh saja. Setiap kesimpulan yang dicapai, perlu dibuktikan dengan gambar-gambar, rekod analisis dan hasil ciptaan itu sendiri barulah ia diiktiraf oleh umum.

Penemuan awal penyelidikan selalunya bermula dengan membuat eksperimen terhadap sesuatu masalah rumit seperti dalam menyelesaikan prinsip sedia wujud yang kabur dan masih memerlukan penjelasan lanjut. Banyak lagi penemuan telah dilakukan bukan sahaja oleh para saintis tetapi juga oleh mereka dari bidang-bidang lain. Sebagai contoh, dalam industri pertahanan, Industri Pertahanan Singapura, berjaya meningkatkan keupayaan ketepatan menembak M16 sebanyak 20% lebih

*... jika amalan budaya R & D telah lama wujud dalam TD sudah tentu ia dapat membantu mengenal pasti rekod cadangan modifikasi, data masalah serta inovasi baru yang diperlukan bagi pemerolehan peralatan-peralatan baru yang bakal dibeli dan digunakan dalam operasi-operasi akan datang.*

baik daripada asalnya<sup>4</sup>. Manakala dalam TD kita pula, banyak kajian inovasi dilakukan yang dihasilkan oleh pasukan Kor Jurutera Elektrik dan Jentera Diraja (JLJD) dan unit-unit teknikal yang lain. Namun jumlah yang diketengahkan sebagai projek R&D masih sedikit sekali bilangannya.

Tidak mustahil penyuburan budaya R&D di kalangan anggota Angkatan Tentera khususnya TD dilaksanakan. Banyak peralatan, sistem latihan, pengurusan dan sebagainya yang didapati kurang sesuai yang boleh dimajukan lagi untuk menjadi lebih baik. Modifikasi dan cadangan yang lebih sempurna kepada spesifikasi sedia ada dapat ditingkatkan melalui projek R&D.

Idea menghasilkan sesuatu peralatan dan sebagainya yang lebih baik oleh pasukan pengguna juga akan dapat dikembangkan melalui proses R&D. Ini secara tidak langsung akan memberi peningkatan kualiti kepada pengguna dan perkhidmatan dalam menghasilkan peralatan, sistem latihan dan pengurusan yang lebih baik melalui penemuan inovasi yang baru.

### PEMBANGUNAN DAN GALAKKAN KERAJAAN BAGI PROJEK R&D

Menteri Perdagangan dan Industri berkata, 'Kesedaran terhadap R&D penting untuk berdaya saing. Kerajaan telah menyediakan khidmat sokongan serta

<sup>4</sup> Akhbar Mingguan Malaysia, 3 Okt 1999 hal 8.

peruntukan kewangan untuk menggalakkan R&D. Di samping itu, insentif-insentif tertentu juga ditawarkan untuk kegiatan R&D. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-7 (RMK 7), sejumlah RM 935 juta telah diperuntukkan untuk program R&D di bawah Insentif Penyelidikan Bidang Keutamaan (IRPA). Bagi enam bulan pertama tahun ini, sebanyak RM 70.36 juta telah diluluskan untuk 462 projek penyelidikan di bawah IRPA. Sektor yang terlibat adalah sains kejuruteraan yang melibatkan peruntukan RM 15.23 juta, industri pertanian RM 13.28 juta, perkilangan RM 11.85 juta, kesihatan RM 6.84 juta dan sektor tenaga RM 5.0 juta. Bagi syarikat industri kecil dan sederhana (IKS), kerajaan turut memperuntukkan bantuan kewangan untuk usaha peningkatan proses dan produk serta untuk memperolehi kepakaran teknikal. Selain daripada itu, bantuan untuk IKS juga disediakan bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti produk. Promosi R&D serta inovasi teknologi perlu diberi keutamaan tinggi untuk mempertahankan daya saing dalam jangka panjang, sambil memperkuuhkan rantai antara industri dan meningkatkan produktiviti.<sup>5</sup>

Perkembangan bidang R&D di Malaysia telah bermula sejak zaman British lagi, yang tertumpu kepada sektor pertanian. Agensi seperti Institut Penyelidikan Getah, PORIM, MARDI, FRIM dan lain-lain lagi, banyak memberi manfaat kepada petani. Contohnya; MARDI telah berjaya menghasilkan kaedah bioteknologi dengan menghasilkan padi MRQ 50 dan MR 211 yang boleh menghasilkan sehingga RM 1,000.00 sehektar semusim berbanding RM 550.00 sekarang. Era yang hanya bergantung kepada sektor pertanian kini telah beralih ke bidang-bidang lain. Pusat-pusat penyelidikan lain telah berkembang pesat, contohnya bidang industri iaitu Universiti Industri Selangor (UNISEL), automobil

(POEM), petroleum (PETRONAS), sekuriti (RIIAM), nuklear (MINT), elektronik, komputer (Cyberjaya) dan sektor-sektor ekonomi yang lain.

Universiti-universiti juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan kegiatan R&D dalam memanfaatkan sarjana tempatan dan rakyat secara amnya. UNISEL telah melakukan kegiatan R&D bagi menjana ilmu baru untuk perkembangan pendidikan masa hadapan. Pelaksanaan R&D dapat menjana pendapatan kepada universiti-universiti untuk menampung sebahagian kos operasinya dan mengoptimumkan penggunaan sumber tenaga mahir serta peralatan yang berteknologi tinggi. Universiti Putra Malaysia (UPM), sebagai pusat penyelidikan terbesar di negara ini menerima peruntukan geran penyelidikan yang lebih tinggi bagi bidang pertanian berbanding institusi penyelidikan pertanian lain yang ada di negara ini. Ia merupakan pengguna utama dalam bidang pertanian dari segi pengajaran dan penyelidikan. Oleh yang demikian R&D amat penting kepada kelangsungan pertumbuhan ekonomi negara kerana kegiatan ini akan menjana penemuan baru atau ilmu baru untuk memperbaiki keadaan sekarang kepada yang lebih baik.

Bagi bidang industri pertahanan pula terdapat perkembangan seperti syarikat usaha sama dengan negara asing seperti Malaysian Explosives yang mengeluarkan peluru dan bahan letupan, senjata Styer, terak DRB-HICOM, kapal peronda TLDM oleh PSE dan lain-lain.

#### HUBUNGKAIT R&D DAN PENGURUSAN KUALITI MENYELURUH (TQM)

R&D amat asing untuk dimengertikan dan sangat rumit prosesnya bagi pemikiran akan

<sup>5</sup> Akhbar Utusan Malaysia, 26 Okt 99 hal 3.


kebanyakan warga tentera. Kebanyakan anggota akan membayangkan betapa mereka yang mempunyai ijazah dan pengkhususan tertentu serta berhadapan dengan golongan pintar dan mahir menggunakan peralatan canggih berteknologi tinggi sahaja terlibat dalam membuat penyelidikan. Itu belum mengambil kira akan formula, cara pelaporan, data serta proses penyelesaian kompleks yang melibatkan kira mengira yang begitu memeningkan kepala. Apakah warga TD ingin membiarkan tanggapan ini terus membelenggu mereka atau merangsangkan sesuatu yang lebih positif ke arah membangun angkatan tentera yang moden sealiran dengan pemikiran yang berkualiti, proaktif, progresif dan kreatif. Jawapannya sudah tentulah yang menggambarkan sesuatu yang positif dan produktif menjadi pilihan. Apakah kita sedar bahawa budaya TQM juga menjurus kepada budaya R&D yang menjadikan anggota lebih kreatif dan inovatif dalam penambahbaikan kualiti pengurusan dan pentadbiran, peralatan, latihan dan operasi. Oleh itu dalam mewujudkan budaya TQM nanti akan menjadi lebih realistik dan efektif jika budaya R&D dimanfaatkan bersama sebagai satu alat ke arah memantapkan lagi penemuan inovasi baru bagi menambahbaik sistem pengurusan, logistik dan peralatan sedia ada.

Dalam melaksanakan budaya TQM kita akan sering mendengar perkataan ISO 9000, Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK), pengurusan berkualiti dan sebagainya. Jika diperhatikan dalam melaksanakan TQM bagi menambahbaik proses

yang bermula dari mencari punca masalah, memerhati, mengkaji, menilai serta mendapatkan kesimpulan memang tidak banyak bezanya dengan cara dan kaedah asas R&D. Apa yang berlaku adalah proses TQM seperti KMK merupakan satu bentuk R&D yang mudah dan tidak memerlukan peralatan yang canggih untuk menyelesaiannya. Proses R&D akan menjadikan anggota berminat untuk meneliti, mengkaji, memerhati dan membuat eksperimen demi eksperimen bagi menghasilkan penemuan baru cetusan idea mereka sendiri dengan lebih baik.

Soalnya apakah pendekatan dan kaedah terbaik perlu diikuti sebagai panduan yang boleh membantu anggota yang berminat agar eksperimen mereka diberi galakan, sokongan, bantuan dan peralatan yang sesuai bagi memudahkan proses kerja serta bersistematik.

Adalah tidak rumit jika anggota TD diberikan pemahaman tentang R&D, saluran bantuan yang boleh diperolehi dan cara proses kerja. Di samping itu sokongan padu berterusan di peringkat pemerintahan pasukan amat perlu bagi merealisasikan idea mereka kepada eksperimen yang bakal menghasilkan inovasi baru nanti.



**Banyak peralatan, sistem latihan, pengurusan dan sebagainya yang didapati kurang sesuai boleh dimajukan lagi untuk menjadi lebih baik. Modifikasi dan cadangan yang lebih sempurna kepada spesifikasi sedia ada dapat dipertingkatkan melalui projek R & D**

Dalam proses R&D akan menjadi lebih mudah bila budaya TQM telah diamalkan dengan meluas serta difahami oleh semua peringkat anggota. Hubung kait yang rapat antara R&D dengan TQM dalam TD dapat dilihat melalui proses penyelesaian KMK. Kaedah yang digunakan mengikut unjuran PADC, iaitu *Plan* (merancang),

Action (bertindak), Do (menyelesai), Check (menyemak). Peringkat merancang melibatkan proses awalan cetusan idea ke atas sesuatu permasalahan kerja. Permasalahan ini timbul dan didapati dari sumber melalui pemerhatian masalah yang dilaporkan atau diarah oleh pihak pengurusan atasan dan penemuan idea baru.

Seterusnya kumpulan tersebut akan melalui beberapa mesyuarat dan perbincangan bagi merumus dan mencari permasalahan sebenar untuk diselesaikan. Kaedah mengenal pasti masalah dibuat menggunakan kaedah TQM, sama ada melalui Percambahan Fikiran (*Brain Storming*), kaedah 5 W + 1 H dan Tulang Ikan Ishikawa. Pada peringkat menyelesai pula, satu cadangan penyelesaian ke atas permasalahan tadi dibuat berdasar kepada semua data yang dikutip melalui pemerhatian, rungutan/teguran, tahap kesilapan produk yang dikumpulkan dan dikenal pasti punca masalah utama serta saranan penyelesaian. Manakala pada peringkat bertindak pula, semua cadangan penyelesaian akan dibuat tindakan eksperimen demi eksperimen dan pembetulan. Pembetulan dilakukan bagi menghasilkan satu rumusan penyelesaian yang mutlak ke atas masalah yang utama bagi menyelesai dan mengatasi masalah yang timbul dalam sistem keseluruhannya. Hasilnya didapati berbagai penemuan inovasi atau modifikasi dapat digunakan kepada sistem sedia ada, dan kemudiannya akan diseragamkan pada peringkat menyemak keseluruhan operasi pengurusan atau penghasilan produk. Jika didapati produk tidak sesuai atau masih memerlukan pembetulan, proses pembetulan

akan diulang mengikut proses PADC. Ia berterusan sehingga apa jua rumusan penyelesaian mutlak dapat dihasilkan dengan lebih sempurna dan diguna pakai. Semua proses ini akan direkod bagi mengekalkan kualiti dan standard produk yang diseragamkan.

**TD perlu menyusun pembelajaran TQM dan R&D yang bersesuaian bagi semua peringkat pegawai dan anggota tentang betapa pentingnya projek R&D serta hubung kait dengan alat TQM yang lain seperti yang terdapat dalam proses KMK, ISO 9000, pengurusan kualiti dan lain-lain .... peruntukan berjuta-juta ringgit .... segelintir sahaja yang digunakan.**

Berdasarkan kepada proses aliran kerja KMK sedikit sebanyak anggota telah didedahkan kepada proses R&D. Ini akan memudahkan pelaksanaan R&D yang lebih rumit dengan berkesan menggunakan proses yang sama bagi projek R&D yang memerlukan peralatan khusus bagi kajian dan bantuan bahan mentah dalam menghasilkan inovasi. Keperluan peralatan moden boleh didapati melalui unit kejuruteraan yang mempunyai peralatan bagi menguji kajian tersebut. Ia boleh membantu eksperimen yang memerlukan alat ujian yang mungkin tidak terdapat di pasukan. Unit kejuruteraan yang boleh membantu adalah seperti pasukan Askar Jurutera Diraja (RAJD), JLJD, Pusat Sains dan Teknologi Pertahanan (PSTP) dan agensi awam seperti universiti-universiti dan pusat kemahiran kejuruteraan yang lain.

## PERANAN R&D DALAM PEMODEGAN TD

**'TD alaf baru merancang untuk mengurangkan keanggotaan kepada 80,000 orang tetapi berwibawa, moden, bermobiliti, berkuasa tembakan dan mempunyai sistem**

*komunikasi yang berkesan bagi menangani sebarang kontijensi yang timbul dalam sebarang keadaan,' menjadi slogan TD dalam memantap dan memperlengkappkan peralatan moden yang lebih canggih dan efektif. Objektif utamanya ialah mempunyai angkatan TD yang seimbang termasuk organik seperti 'airbone', infantri mekanis dan artileri. Apakah pembelian peralatan baru ini menepati keperluan operasi dari segi spesifikasinya seperti kesesuaian keadaan cuaca, kelasakan, mudah dikendali, kesesuaian teknologi dan lain-lain. Sudah tentu pasukan penilai yang dilantik akan menilai sesuatu yang terbaik dalam memenuhi spesifikasi sedia ada boleh beroperasi dan kesesuaian peralatan-peralatan yang bakal ditawarkan oleh beberapa syarikat yang bersaing.*

Apakah spesifikasi yang lepas digunakan atau mengikut spesifikasi yang baru ditawarkan dalam menilai keupayaan peralatan moden yang bakal digunakan? Masih terdapat beberapa peralatan yang sedia ada mempunyai spesifikasi yang kurang sesuai dan memerlukan modifikasi sebagai panduan kepada kumpulan penguji dalam pemerolehan peralatan baru. Oleh itu jika amalan budaya R&D ini telah lama wujud dalam TD sudah tentu ia dapat membantu mengenal pasti rekod cadangan modifikasi, data masalah serta inovasi baru yang diperlukan bagi pemerolehan peralatan-peralatan baru yang bakal dibeli dan digunakan dalam operasi-operasi yang akan datang. Secara tidak langsung spesifikasi yang sedia ada dapat dikemaskinikan dari masa ke masa serta memberi data spesifikasi yang lebih baik dan tepat. Ini membantu pasukan penilai membuat pemerolehan baru peralatan yang sesuai dengan lebih cekap dan berkesan. Oleh itu peranan budaya R&D di kalangan anggota TD perlu dipupuk dan disemaikan agar sebarang idea bagus tidak hilang begitu sahaja. Ia dapat dimanfaatkan dalam mempertingkatkan kualiti peralatan dan pemerolehan baru serta meningkatkan pengurusan TQM secara amnya.

## PERANAN UNIT KEJURUTERAAN, PSTP DAN AGENSI AWAM

Dalam membantu projek R&D di pasukan yang memerlukan peralatan pengujian peralatan lebih moden seperti ujian ketahanan tali (*breaking strength*), kelusuhan, kemampatan dan lain-lain, ia hanya dapat dilaksanakan melalui kemudahan yang sedia wujud di unit kejuruteraan dan di PSTP. Segala keperluan pengujian eksperimen R&D disalurkan dari pasukan-pasukan melalui Jabatanarah berkenaan ke PSTP dan unit kejuruteraan lain. Di sini terdapat berbagai kepakaran yang boleh diperolehi dari pegawai penyelidik yang mempunyai pengkhususan yang tertentu. Laporan penyelidikan yang diperolehi dapat dimajukan bersama dengan menggunakan kepakaran mereka, sesuai dengan projek R&D yang dijalankan. Sekiranya masih tidak terdapat peralatan tertentu bagi projek R&D dalam ATM, bantuan daripada agensi awam seperti UTM yang mempunyai MoU dengan pihak ATM boleh digunakan bagi pengujian bahan projek atau projek usaha sama. Universiti-universiti lain dan industri berkaitan juga boleh dipanjangkan usaha bagi mendapat kemudahan yang sama. Oleh itu tidaklah terlalu rumit untuk mendapatkan sumber teknologi bagi memajukan projek R&D, sekiranya projek tersebut mempunyai nilai inovasi yang berkualiti dan boleh dikembangkan.

Pendekatan yang perlu dilakukan oleh TD ialah memudahkan sistem penyampaian projek R&D yang bakal dilaksanakan dari pasukan ke pihak PSTP untuk kelulusan projek dan bantuan kewangan yang diperlukan nanti. Selain itu bantuan nasihat kepakaran bagi projek boleh diberikan oleh unit kejuruteraan seperti JLJD.

## PENDEKATAN BUDAYA R&D DALAM TD

Dalam memberi galakan kepada anggota supaya sentiasa peka kepada projek R&D, satu buku panduan perlu diselaraskan bagi mengkoordinasi pengurusan TQM yang sedia ada tidak bertindih atau merumitkan proses kerja bagi R&D. Apa yang pasti, setiap projek R&D menyumbang kepada penemuan inovasi yang menjuruskam pemikiran kreatif ke arah meningkatkan pengurusan TQM. Oleh itu pendekatan dalam menyemai budaya R&D sebagai salah satu alat TQM perlu dipertingkatkan. Perbezaan ketara cuma dari segi proses penyelidikannya sahaja. Ia bermula secara lebih mudah seperti proses KMK hingga kepada eksperimen lebih kompleks dan rumit yang memerlukan bahan serta peralatan pengujian lebih moden dan berteknologi tinggi. Budaya R&D akan lebih meningkatkan prestasi kualiti pengurusan TQM melalui pemikiran anggota yang kreatif, sensitif serta mempunyai imaginasi yang tinggi. TD perlu menyusun pembelajaran TQM dan R&D yang bersesuaian bagi semua peringkat pegawai dan anggota tentang betapa pentingnya projek R&D serta hubung kait dengan alat TQM yang lain seperti yang terdapat dalam proses KMK, ISO 9000, pengurusan kualiti dan lain-lain. Angkatan Tentera khususnya memang menggalakkan projek R&D dengan memberi peruntukan berjuta-juta ringgit bagi menjadi pemangkin kepada projek-projek R&D. Namun segelintir sahaja yang menggunakan. Masih banyak projek R&D dalam TD perlu dibangunkan menggunakan peruntukan sedia wujud tetapi oleh kerana kurangnya kesedaran terhadap proses kerja R&D telah membantutkan usaha ini. Adalah disarankan agar pasukan-pasukan menggalakkan anggotanya dengan membuat pertandingan inovasi tahunan seperti yang dilakukan di peringkat TD bagi Anugerah Kualiti Tentera Darat (AKTD). Ini akan

menggalakkan lebih ramai anggota memberi idea mereka untuk dijadikan projek R&D, di samping menggalakkan perwujudan sel R&D. Selain sumber kewangan dari pihak ATM, pembiayaan awal boleh dilakukan dari sumber dalaman dan peralatan asas di pasukan dan unit kejuruteraan.

Dalam memajukan projek R&D, kebiasaananya penemuan hanya diperolehi oleh seseorang yang amat prihatin dan mempunyai pemikiran yang tajam. Untuk membangun dan memajukannya memerlukan sokongan pihak atasan dan perkongsian yang bijak antara semua anggota di dalam lapangan yang mungkin berbeza dari segi pandangannya. Bagaimanapun kerjasama berkumpulan (*team work*) dapat digembleng dari peringkat pengurusan atasan, pertengahan dan bawahan bagi menentukan kelancaran dan kejayaan projek. Kejayaannya banyak bergantung pada semangat setiap ahli kumpulan serta kesungguhan pihak pengurusan berganding bahu, termasuk tahap kepimpinan yang baik dan tujuan serta matlamat yang jelas.

## PENUTUP

TD yang merupakan angkatan bersenjata yang kredibel, sentiasa ke hadapan dalam membina tentera yang mampu bertindak pantas, dalam semua keadaan dan muka bumi terhadap apa jua ancaman yang timbul dalam mempertahankan negara. Berbagai pemerolehan telah dikenal pasti bagi memodenkan TD dengan berbagai kepakaran dan peralatan khusus bagi memantapkan penugasan operasi dengan lebih efektif. Justeru itu sumber tenaga manusia dan logistik TD perlu digembleng bersama dalam menentukan setiap kepakaran dan keperluan peralatan terkini dapat dianalisis kesesuaiannya dan masalah yang timbul dapat diatasi. Ia perlu bagi memperolehi spesifikasi yang paling sesuai untuk dimajukan bagi keperluan operasi akan datang.

Sesungguhnya peranan R&D dalam meningkatkan kualiti TD tidak dapat disangkal lagi. Perkembangan teknologi yang pesat, pantas dan terkini di bidang industri ketenteraan memerlukan anggota sebagai pengguna peralatan yang moden yang lebih peka kepada budaya R&D. Ia boleh membantu bagi menganalisis keperluan penggunaan peralatan yang lebih sesuai, kepakaran terkini dan berteknologi tinggi. Di samping itu ia dapat

menggunakan daya kreativiti serta kepakaran yang ada pada anggota bagi mengenal pasti masalah, mencadangkan modifikasi serta inovasi baru bagi menambahbaikan kualiti pengurusan, peralatan dan logistik, latihan serta operasi akan datang. Ini adalah selaras dengan keperluan TD ke arah mewujudkan angkatan tentera yang moden bukan sahaja dari segi peralatannya tetapi juga aliran pemikiran anggota yang kreatif dan berinovatif.

## BIBLIOGRAFI

Children's Britanica, Vol 14 Pony, Rhyme, Eneyclopedia Britanica International, Ltd, London 1981.

Kamus Dewan, Edisi Ketiga, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1996.

Rebounding Market, Launching A New Partnership, Armed Forces Journal International, Nov 99.



Mej Nik Mohnawi bin Nik Othman telah ditauliahkan pada 31 Dis 79 ke dalam Rejimen Gerak Khas. Beliau telah menjawat beberapa jawatan penting dalam Rejimen dan sebagai jurulatih di Pusat Peperangan Khusus (PULPAK). Beliau kini bertugas di PERSAMA, Kementerian Pertahanan.

# KE ARAH PENGIFTIRAFAN *Kursus-Kursus* Di dalam ATM

Kapt Mohd Pauzi bin Deris

## PENDAHULUAN

## SENARIO SEMASA

### AM

**K**ursus-kursus yang dilaksanakan di dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) ada sebahagiannya telah mula mendapatkan pengiktirafan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) dan beberapa buah universiti tempatan melalui memoredendum-memoredendum persefahaman yang diwujudkan. Pengiktirafan sebegini memberikan manfaat yang sangat bermakna bagi seseorang warga tentera kerana kemahiran dan pengalaman kerjaya di dalam tentera dapat membantu mereka apabila tamat perkhidmatan.

Persoalannya sekarang, dalam keghairahan untuk mendapatkan pengiktirafan tersebut adakah aspek-aspek penting yang perlu diberi keutamaan telah diabaikan oleh ATM? Apakah wujudnya garis panduan yang boleh diikuti untuk membantu proses pengiktirafan tersebut dan adakah kursus-kursus ATM itu memang layak diberi pengiktirafan. Apakah pentingnya pengiktirafan dan implikasinya setelah pengiktirafan diperolehi? Bagaimanakah untuk mengekalkan kualiti atau piawaian pengiktirafan tersebut? Penulisan ini akan mengupas dengan lebih lanjut lagi persoalan tersebut.

### JENIS-JENIS KURSUS

Kursus terdiri daripada dua komponen iaitu latihan dan pendidikan. Program latihan boleh ditakrifkan sebagai program yang membentuk kemahiran atau kepakaran spesifik manakala program pendidikan pula adalah lebih kompleks tetapi hasil pembelajarannya lebih umum<sup>1</sup>. Bagi ATM sebagaimana digariskan di dalam Kod AT No. 2, jenis kursus pula terbahagi kepada dua jenis kursus kerjaya dan kursus sampingan atau 'functional'. Kursus kerjaya merupakan kursus profesional yang perlu dihadiri oleh warga tentera mengikut peningkatan kerja dan umum bagi semua perkhidmatan umpamanya Kursus Ketua Platon, Kursus Tugas Staf, Kursus Taktik Semua Perkhidmatan dan sebagainya. Kursus sampingan pula terdiri daripada kursus-kursus yang berkaitan dengan perkhidmatan atau kepakaran mengikut kor atau perkhidmatan masing-masing.

### TAKRIF PENGIFTIRAFAN

Pengiktirafan terbahagi kepada tiga kategori iaitu pengiktirafan dari segi akademik

<sup>1</sup> Roger W Little, *Handbook Of Military Institutions*, Sage Publication, Beverly Hills, California.

dalam bentuk kelulusan lebih tinggi seperti peringkat diploma, ijazah sarjana muda dan seterusnya. Satu lagi bentuk atau pengiktirafan ialah melalui program persefahaman iaitu apabila agensi bukan tentera atau tentera negara asing menghantar peserta untuk mengikuti sesuatu kursus yang dikelolakan oleh ATM, maka ia juga dianggap sebagai satu pengiktirafan. Seterusnya ialah pengiktirafan kemahiran yang menjadi bekalan penting terutamanya bagi golongan anggota lain-lain pangkat (LLP) dalam pekerjaan awam. Antara program atau kursus yang telah diiktiraf dewasa ini adalah seperti berikut:

\* Pengiktirafan Akademik.

Pengiktirafan yang dicapai setakat ini adalah melalui memorandum persefahaman di antara ATM dan universiti-universiti tempatan seperti Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Malaya (UM). Program ini adalah selaras dengan garis panduan mewujudkan kerjasama pendidikan dan latihan antara Kementerian

Pertahanan (KEMENTERAH) dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang dipersetujui melalui Mesyuarat Lembaga Menteri pada 15 Jun 98. Antara bidang dan institusi yang diiktiraf adalah seperti berikut:

- ~ Ijazah Sarjana Muda Sains dan Kejuruteraan di Akademi Tentera

**Berbekalkan kelayakan akademik atau kemahiran yang diiktiraf, warga tentera yang menamatkan perkhidmatan akan mempunyai peluang pekerjaan yang lebih luas di dunia pekerjaan awam ... pengalaman sahaja tidak mencukupi untuk mendapat pekerjaan yang baik.**

Malaysia (ATMA) melalui program usaha sama dengan UTM.

~ Sarjana Pengurusan di Institut Pengurusan Tentera Darat (IPDA) melalui usaha sama dengan UM.

~ Diploma Pengajian Strategik di Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT) melalui usaha sama dengan UM.

~ Kursus Officer Long Engineering (OLE) di Institut Kejuruteraan Tentera Darat (IJED) yang diiktiraf sebagai tahun kedua Diploma Kejuruteraan Jentera UTM.

~ Diploma Kejuruteraan di Kolej Tentera Laut (KD PELANDOK) melalui usaha sama dengan UTM.

~ Diploma Kejuruteraan di Kolej Tentera Udara melalui usaha sama dengan UTM.

\* Pengiktirafan Melalui Persefahaman. Beberapa kursus di dalam ATM juga telah mendapat pengiktirafan dari pihak luar sebagaimana yang

telah dijelaskan sebelum ini. Antara kursus-kursus tersebut ialah Kursus MTAT yang turut dihadiri oleh agensi kerajaan lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pegawai-pegawai tentera negara asing seperti Jepun, Singapura, Indonesia dan sebagainya. Kursus yang dilaksanakan di IPDA juga turut dihadiri oleh penuntut dari negara Brunei dan negara Eropah seperti Bosnia Herzegovina.

\* **Pengiktirafan Kemahiran.** Pengiktirafan kemahiran telah mula diperkenalkan apabila tertubuhnya MLVK pada bulan Mei 98. Agensi ini akan menilai tred-tred teknikal dalam ATM berdasarkan Standard Kemahiran Kebangsaan (SKK) dan seterusnya apabila layak dan telah mematuhi semua prosedur yang ditetapkan, anggota tred tersebut akan dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SMK). Antara tred yang telah diiktiraf adalah seperti berikut:

- ~ Fomen Semboyan Rejimen Semboyan Diraja (RSD) diiktiraf sebagai Mekanik Perhubungan Radio Tahap 3.
- ~ Jurugegas Jentera Loji Kelas 1 Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD) diiktiraf sebagai Mekanik Kelengkapan Tolak Tanah Tahap 2.
- ~ Juruteknik Kejuruteraan Elektronik Kelas 1 Kor Jurutera Elektrik dan Jentera Diraja (JLJD) diiktiraf sebagai Juruteknik Teknologi Elektronik Industri Tahap 3.
- ~ Teknisyen Marin Kuasa Gerak Kelas 1 (TLDM) diiktiraf sebagai Mekanik Jentera Diesel Tahap 1.
- ~ Jurusawat Instrumen (TUDM) diiktiraf sebagai Mekanik Alatan Kepersisan Tahap 1.

Anggota tentera juga berpeluang untuk memiliki kemahiran yang diiktiraf sebelum menamatkan perkhidmatan dengan menjalani kursus peralihan di Perbadanan Hal Ehwal Bekas Anggota Tentera (PERHEBAT). Selain daripada agensi-agensi tempatan, PERHEBAT

juga telah mendapat akreditasi melalui kerjasama dengan 'Technical and Further Education (TAFE) Commission,' New South Wales bagi kursus peringkat sijil hingga ijazah.

## PERANCANGAN TERDEKAT

Tentera Darat (TD) pada masa ini sedang mengatur strategi untuk menaikkan lagi taraf beberapa kursus di pusat-pusat latihan TD. Antaranya ialah Kursus Pegawai Kadet di Kolej Tentera Darat (KTD) pada peringkat diploma dan Kursus Tugas Staf di IPDA pada peringkat diploma lanjutan. Kor JLJD pula sedang dalam proses pelaksanaan Diploma Teknologi sehingga Sarjana Kejuruteraan Mekanikal melalui Memorandum Persefahaman (MoU) dengan UTM. Ini adalah bukti tentang usaha yang berterusan TD untuk meningkatkan taraf akademik anggotanya.

### PERI PENTINGNYA PENGIKTIRAFAN

Bagi memenuhi Tujuan dan Falsafah Pendidikan ATM, struktur pendidikan ATM telah dirangka mengandungi beberapa kategori pendidikan dan antaranya ialah Pendidikan Individu. Pendidikan Individu bertujuan agar sebahagian besar anggota ATM berilmu pengetahuan di samping melengkapkan diri mereka dengan pendidikan yang berfaedah bagi menambahkan lagi peluang pekerjaan apabila kembali menjadi orang awam setelah tamat perkhidmatan<sup>2</sup>.

Oleh yang demikian, beberapa faktor dapat dirumuskan untuk menggambarkan

<sup>2</sup> Dasar Pendidikan AT, Peraturan Pelajaran No. 1, MK ATM - Buku Panduan ATM KPA (AJAR), 1997.

betapa pentingnya pendidikan atau kemahiran sebagai aset kepada seseorang individu. Faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut:

- \* **Kelayakan Akademik.** Melalui pengiktirafan, kursus-kursus akan bertaraf diploma, sarjana muda dan seterusnya. Dengan itu ia akan memberi peluang kepada pegawai dan anggota untuk mempertingkatkan lagi tahap akademik mereka. Di samping itu ia mungkin membuka peluang kepada pegawai dan LLP yang mempunyai kelayakan akademik sederhana untuk mengikuti pengajian peringkat tinggi berdasarkan pengalaman kerja.
- \* **Standard Kemahiran.** Berbekalkan kelayakan akademik atau kemahiran yang diiktiraf, warga tentera yang menamatkan perkhidmatan akan mempunyai peluang pekerjaan yang lebih luas di dunia pekerjaan awam. Dalam era pembangunan yang pesat dan kemajuan yang rancak ini, pengalaman sahaja tidak mencukupi untuk mendapatkan pekerjaan yang baik.
- \* **'Morale'.** Warga tentera akan lebih bermotivasi untuk menghadiri kursus-kursus yang mendapat pengiktirafan memandangkan kelulusan yang bakal diperolehi akan menjadi aset penting kepada mereka.
- \* **Daya Tarikan Kepada ATM.** Dengan adanya kursus-kursus yang diiktiraf di dalam ATM, ia akan menjadi satu daya tarikan kepada calon-calon yang berminat untuk menyertai ATM sebagai kerjaya. Ini memberikan mereka peluang untuk meningkatkan lagi tahap akademik atau kemahiran semasa dalam perkhidmatan.

## KRITERIA PENGIKTIRAFAN

### JENIS KURSUS

Kursus-kursus yang dikendalikan di dalam ATM terdiri daripada kemahiran tred atau kepakaran dan kemahiran profesional sebagai anggota tentera. Setakat ini kursus-kursus yang telah pun menerima pengiktirafan terdiri daripada kategori kursus yang berkaitan dengan pengurusan dan kepakaran atau pengkhususan tred.

Oleh yang demikian untuk mengenal pasti jenis-jenis kursus yang boleh diiktiraf, kursus tersebut haruslah mempunyai persamaan dari segi kandungan dengan kursus yang ditawarkan oleh IPT tempatan. Sekiranya membabitkan kursus teknikal maka ia juga perlu mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh badan atau agensi yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk memberikan akreditasi.

### KATEGORI PENUNTUT

Setiap kursus yang dilaksanakan akan mempunyai objektif dan kumpulan sasaran penuntut seperti yang diperlukan melalui Pendekatan Latihan Secara Sistematik (PLSS). Sasaran penuntut selalunya terbahagi kepada kumpulan pegawai, LLP, campuran pegawai dan LLP dan juga dari agensi-agensi lain.

Bagi memperolehi sesuatu pengiktirafan, sasaran penuntut perlu diperluaskan lagi. Kursus-kursus bersesuaian hendaklah dikenal pasti dan ditawarkan kepada perkhidmatan atau agensi lain termasuk institusi ketenteraan dan pertahanan negara lain. Sekiranya terdapat sambutan maka ini menunjukkan bahawa kursus tersebut adalah diiktiraf oleh mereka dan

langkah seterusnya untuk mendapatkan pengiktirafan secara rasmi dari pihak yang berkenaan akan menjadi lebih mudah.

## KELAYAKAN MINIMUM PENUNTUT

Sebagaimana yang dipraktikkan oleh IPT, kelayakan minimum perlu untuk mengikuti sesuatu jenis pengajian. Begitu juga dengan kursus di dalam ATM sekiranya sesuatu pengiktirafan telah diperolehi. Sebagai contoh; tidak semua anggota tentera boleh mengikuti kursus peringkat diploma sekiranya kelayakan minimum yang ditetapkan tidak dipatuhi. Jika anggota tersebut dibenarkan untuk meneruskannya, ini akan menjasikan mutu dan keputusan kursus tersebut. Walau bagaimanapun jika kursus tersebut berkaitan dengan kemahiran, kelonggaran boleh diberi dengan mengambil kira pengalaman bekerja. Sungguhpun begitu, ia masih menjadi satu persoalan yang subjektif kerana pengalaman tidak boleh diukur. Oleh itu garis panduan kelayakan kemasukan haruslah dikaji dengan teliti bagi mengawal kualiti dan piawaian sesuatu kursus yang telah diiktiraf.

## GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN KURSUS

Sebelum sesuatu institusi itu diiktiraf untuk melaksanakan pengajian atau kursus di peringkat diploma dan ke atas, beberapa garis

*.... untuk mengenal pasti jenis-jenis kursus yang boleh diiktiraf, kursus tersebut haruslah mempunyai persamaan dari segi kandungan dengan kursus yang ditawarkan oleh IPT tempatan. Sekiranya membabitkan kursus teknikal maka ia juga perlu mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh badan atau agensi yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk memberikan akreditasi*

panduan perlu dipatuhi. Ia bergantung kepada agensi yang memberikan akreditasi di mana penekanan diberi ke atas peningkatan kualiti pendidikan dan meyakinkan kepada umum bahawa sesuatu institusi itu benar-benar mencapai tahap piawaian yang ditetapkan. Akreditasi terhadap sesuatu institusi menggambarkan dengan jelas bahawa institusi tersebut mempunyai matlamat berpatutan ke arah pendidikan lebih tinggi dan mempunyai sumber-sumber, program serta perkhidmatan yang secukupnya untuk mencapai matlamat tersebut secara berterusan<sup>3</sup>.

Sebagai sebahagian daripada proses untuk memperolehi akreditasi atau pengiktirafan, beberapa langkah berikut perlu diambil oleh institusi berkenaan iaitu:

- \* Kajian hendaklah dilakukan bagi menilai segala aspek yang berkaitan dengan institusi tersebut dan hendaklah melibatkan semua peringkat dan bahagian di dalam institusi tersebut seperti cawangan, staf, penuntut, pentadbiran dan pengurusan institusi. Ia harus merangkumi analisis komprehensif terhadap institusi tersebut dengan menyenaraikan kesimpulan dari segi kelemahan dan kelebihannya. Sebagai tambahan, institusi tersebut juga perlu mengemukakan pelan tindakan susulan terhadap isu-isu yang

<sup>3</sup> *Principles and Philosophy of Accreditation*. Website Commission on Colleges of Southern Association of Colleges and Schools, 1998

dikenal pasti semasa proses kajian dilaksanakan.

- \* Institusi juga perlu komited dalam pencarian atau penyelidikan keilmuan dan aplikasinya. Ketelusan dan kejujuran merupakan aspek penting dalam pencarian ilmu dan hendaklah dijadikan faktor penting dalam mencorakkan persekitaran sesebuah institusi. Sesebuah institusi perlu menyediakan segala maklumat yang perlu bagi tujuan penilaian oleh lembaga yang mengiktiraf atau memberikan akreditasi dan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada akses terhadap maklumat berkaitan.
- \* Sesebuah institusi perlu mempunyai takrif yang jelas mengenai matlamat yang bersesuaian sebagai sebuah institusi yang menawarkan pendidikan tinggi atau profesional.
- \* Satu polisi berkenaan kriteria kemasukan perlu digubal bersesuaian dengan matlamat institusi yang telah ditetapkan.
- \* Tenaga pengajar tetap haruslah mencukupi untuk menyumbangkan kepada pengajaran yang efektif, sebagai penasihat dan penglibatan dalam aktiviti kreatif atau berbentuk ilmiah. Bagi sesuatu pengkhususan atau jurusan, sekurang-kurangnya seorang tenaga pengajar atau pensyarah tetap diperlukan untuk menyelia dan mengkoordinasi urusan berkaitan dengan jurusan tersebut.

- \* Dalam menyediakan persekitaran pembelajaran yang teratur dan bermutu, sesebuah institusi perlu mempunyai sumber pembelajaran yang mencukupi. Fasilitas yang lengkap dan mencukupi seharusnya dimiliki oleh sesebuah institusi

untuk tujuan tersebut. Sekiranya terdapat batasan di dalam penyediaan fasilitas yang berkaitan, maka satu perjanjian atau kerjasama perlu diwujudkan dengan agensi lain untuk memperolehi akses kepada kemudahan atau perkhidmatan yang diperlukan bagi sesuatu jurusan yang ditawarkan.

- \* Faktor kewangan juga amat penting bagi sesebuah institusi untuk melaksanakan kursus-kursus yang dirancang. Institusi yang mendapat peruntukan kewangan dari kerajaan perlu menyediakan maklumat terperinci tentang belanjawan yang telah dirancang. Maklumat tersebut haruslah menunjukkan dengan tepat kos keseluruhan operasi dan mencukupi untuk menampung keperluan atau implikasi kewangan bagi melaksanakan program atau kursus yang dirancang.

Sebagai satu kesimpulan, dalam memperolehi pengiktirafan sesuatu kursus itu terdapat beberapa prosedur atau kriteria yang perlu dipatuhi sebelum proses akhir untuk pengiktirafan dapat dilaksanakan.

### HALANGAN KE ARAH PENGIKTIRAFAN

### REFORMASI PENDIDIKAN

Demi mencapai satu matlamat yang tinggi, pengorbanan mungkin terpaksa dilakukan dari segi tenaga kerja, wang ringgit, masa dan sebagainya. Berkemungkinan segala-galanya perlu dirombak semula dan ini akan membawa kepada reformasi atau pembaharuan pendidikan di peringkat ATM sendiri.

Dalam reformasi pendidikan beberapa aspek penting dikenal pasti sebagai faktor yang

mungkin menghalang proses pengiktirafan sekiranya tiada tindakan diambil untuk mengatasinya. Faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut:

**\* Kandungan Kursus/Kurikulum.** Jika dilihat dari kursus-kursus yang telah mendapat pengiktirafan pada masa ini, kesemuanya didapati mempunyai persamaan dengan kursus yang ditawarkan oleh IPT tempatan atau agensi yang berkaitan. Sememangnya tidak dinafikan bahawa perbezaan tugas dan fungsi ATM tidak memungkinkan kita mempunyai kandungan kursus yang sama dengan yang ditawarkan oleh pihak awam. Walau bagaimanapun, beberapa modul kursus-kursus dalam ATM telah terbukti mempunyai persamaan dari segi teori atau falsafahnya dengan kursus-kursus awam. Sekiranya kurikulum, silibus atau kandungan kursus dikaji, diperbaiki dan dipertingkatkan nescaya akan lebih memudahkan institusi latihan dalam ATM memperolehi pengiktirafan. Sekiranya pihak awam juga turut menghantar peserta untuk mengikuti kursus tersebut, ini akan membuktikan bahawa isi kandungan kursus tersebut boleh diaplikasikan bukan sahaja dalam perkhidmatan ketenteraan malahan dalam awam.

**\* Kelayakan Pensyarah.** Seseorang yang menjadi tenaga pengajar untuk kursus-kursus yang diiktiraf wajib mempunyai kelayakan akademik atau pengalaman kerja secukupnya. Ini akan membolehkan pengajaran secara efektif dilaksanakan. Mutu kursus yang dijalankan akan dipersoalkan sekiranya pensyarah yang mengajar tidak mempunyai kelayakan setaraf. Justeru itu satu garis panduan tentang kelayakan pensyarah perlu dikaji agar kawalan mutu

kursus dapat dipantau dengan lebih berkesan.

**\* Kekurangan Tenaga Pengajar.** Antara permasalahan yang sering dihadapi oleh bukan sahaja institusi latihan tentera malah institusi awam ialah kekurangan tenaga pengajar. Dalam ATM, masalah pertukaran tempat kerja yang kerap mengakibatkan seorang tenaga pengajar yang baik tidak dapat menyumbangkan sepenuhnya khidmat beliau terhadap kursus yang dipertanggungjawabkan. Masalah ini boleh diatasi sekiranya anggota atau pegawai yang berkelayakan dan berpengalaman itu dikenal pasti seterusnya ditukarkan sebagai tenaga pengajar untuk tempoh sekurang-kurangnya lima tahun. Selain daripada itu, melalui program kerjasama dengan institusi atau agensi lain, pensyarah jemputan atau pinjaman juga boleh menjadi satu opsyen bagi mengatasi kekurangan tenaga pengajar.

**\* Tempoh Kursus.** Bagi memperolehi kelulusan diploma atau ijazah, penuntut perlu menghabiskan masa selama beberapa semester seperti yang telah ditetapkan oleh agensi yang memberi pengiktirafan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Lembaga Akreditasi Negara (LAN) atau Kementerian Pendidikan. ATM perlu membuat kajian terperinci terhadap sukan dan jangka masa kursus yang ingin dilaksanakan bagi mematuhi piawaian yang ditetapkan. Jangka masa yang ditetapkan adalah untuk memberi ruang dan peluang pembangunan kepada pensyarah mempertingkatkan lagi kelayakan akademik yang diperolehi serta dapat terlibat dengan aktiviti-aktiviti latihan ke arah peningkatan ilmu dan

kemahiran. Ia juga membolehkan pensyarah menilai semula prestasi dan kelemahan untuk diatasi pada kursus-kursus yang akan datang<sup>4</sup>.

### KE ARAH MEMPEROLEHI PENGIKTIRAFAN

#### MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, untuk mendapatkan pengiktirafan dalam jangka masa pendek, ATM perlu meluaskan lagi usaha kerjasama dengan IPT tempatan, IPT swasta yang diiktiraf dan seterusnya dengan IPT atau agensi dari luar negara. Contohnya, ATMA tidak hanya menumpukan kepada pengajian berteraskan sains dan kejuruteraan sahaja akan tetapi akan meluaskan lagi kerjasama dengan IPT lain agar dapat meneroka bidang-bidang yang baru<sup>5</sup>. Melalui kerjasama tersebut juga boleh diwujudkan pusat penyelidikan teknologi pertahanan dan bidang-bidang lain, seterusnya akan dapat menyumbangkan kepada kemajuan industri pertahanan negara. Dengan adanya fasilitas penyelidikan tersebut, ia akan melengkapkan lagi kriteria institusi latihan ATM untuk mendapat pengiktirafan sewajarnya.

oleh agensi atau IPT yang diiktiraf bagi pihak ATM. Ini tidaklah mustahil memandangkan kerajaan sendiri pada masa ini begitu komited dengan projek penswastaan. Walau bagaimanapun program seperti ini hanya akan menimbulkan implikasi yang tidak memberangsangkan. Kesan terhadap kewangan, kandungan kursus, rahsia negara, rahsia pertahanan, doktrin dan pengaruh awam terhadap kursus perlu dititik beratkan. Ia mungkin akan menyelesaikan masalah yang kecil tetapi akan mengundang masalah yang lebih besar yang tidak pernah dijangkakan oleh sesiapa pun. Justeru itu penswastaan bukanlah opsyen yang terbaik untuk mendapat pengiktirafan kursus-kursus ATM.

#### PENDIDIKAN MAYA (VIRTUAL LEARNING)

Setelah Malaysia melangkah ke alam Teknologi Maklumat (IT) dan kewujudan Cyber Jaya serta Koridor Raya Multimedia (MSC), perkataan ‘pendidikan maya’ tidak lagi menjadi asing kepada rakyat Malaysia. Penubuhan Universiti Multimedia juga telah menyertai arus intelek siber pada masa ini, dan seharusnya ATM juga tidak ketinggalan. Sasaran penuntut terdiri daripada mereka yang dapat meluangkan masa atau meninggalkan tugas untuk suatu tempoh yang lama. Waktu pengajian juga fleksibel dan penuntut akan dapat merancang masa dengan baik.

Memandangkan pada masa ini ATM sedang menghadapi masalah kekurangan anggota dan pegawai, sekiranya diwujudkan pusat pendidikan secara maya maka masalah kekurangan staf di pasukan dijangka akan dapat dikurangkan. Pelaksanaan sistem ini walau bagaimanapun akan melibatkan implikasi kewangan yang tinggi dan mungkin tidak dapat dilaksanakan pada masa terdekat. Andai kata ia menjadi kenyataan maka ATM bukan

#### PENSWASTAAN KURSUS

Salah satu pilihan untuk melaksanakan kursus yang diiktiraf adalah melalui penswastaan kursus di mana kursus-kursus akan dilaksanakan

<sup>4</sup> Dasar Mengenai Tempoh Kursus Pengajian, Pekeling 8/1999, Lembaga Akreditasi Negara, 1999.

<sup>5</sup> Mohd Shahrom Nordin, Lt Jen, Datuk'. Amy Academy To Drop Cadets Who Do Not Perform, STAR 9 Jul 00.

sahaja diiktiraf oleh masyarakat Malaysia bahkan akan dikagumi oleh masyarakat dunia.

### PENGGUBALAN DASAR PENDIDIKAN TINGGI

Kemasukan dan pengambilan pegawai dalam Skim Pegawai Tentera Darat (Tugas Am) masa ini terdiri daripada mereka yang berkelulusan SPM, Pegawai Graduan lulusan IPT tempatan atau luar negara dan ATMA. Dengan kelulusan akademik yang berbeza maka skim gaji juga berbeza. Sekiranya kursus ATM diiktiraf dari tahap diploma dan ke atas, adakah semua pegawai dikehendaki menghadiri kursus tersebut ataupun mereka diberi pilihan? Secara amnya jika kursus tersebut adalah kursus kerjaya maka tidak menjadi masalah bagi yang telah mempunyai kelulusan IPT untuk menghadiri kursus tersebut. Tetapi ia harus diwajibkan kepada mereka yang berkelulusan minimum SPM kerana ini adalah untuk meningkatkan tahap kelulusan akademik mereka.

### PERBANDINGAN INSTITUSI TENTERA LUAR NEGARA

Salah satu sumber kemasukan pegawai bagi tentera negara asing adalah melalui akademi tentera seperti *United States Military Academy* (USMA), *Australian Defence Academy* dan *National Defence Academy Japan* (NDA). Ijazah yang dikeluarkan oleh akademi tersebut diiktiraf tetapi dengan cara yang berlainan. Sebagai

**... tidak semua anggota tentera boleh mengikuti kursus peringkat diploma ....**  
**Walau bagaimanapun jika kursus tersebut berkaitan dengan kemahiran, kelonggaran boleh diberi dengan mengambil kira pengalaman bekerja**

contoh, USMA mengeluarkan ijazahnya sendiri. Mereka diawasi oleh satu badan pengiktirafan ijazah-ijazah universiti dan di dalam akademi itu sendiri terdapat lembaga yang mengawasi pelaksana dan kualiti program yang dilaksanakan. Bagi NDA Jepun pula, ijazahnya dikeluarkan oleh *Institution of Academic Degrees* dan bukan oleh akademi tersebut. Walau bagaimanapun, kualiti dan piawaian program yang dilaksanakan masih dipantau oleh Agensi Pertahanan Kebangsaan dan Agensi Pendidikan Kebangsaan. ATMA disarankan mengikut jejak mereka pada satu hari nanti dan berdiskusi tanpa UTM. Pada masa itu ijazah dikeluarkan sepenuhnya oleh ATMA dan mendapat pengiktirafan dari semua pihak.

### KESIMPULAN

Dari perbincangan ke atas idea-idea yang telah diutarakan, beberapa kesimpulan dapat dirumuskan seperti berikut:

#### \* Kelayakan Kursus Untuk Diiktiraf.

- ~ Untuk mengenal pasti kursus-kursus yang layak diiktiraf, kajian terperinci perlu dilaksanakan kerana tidak semua jenis kursus boleh diiktiraf ke tahap diploma dan ke atas. Kursus yang dikenal pasti hanyalah kursus yang mempunyai persamaan dengan kursus yang ditawarkan oleh institusi awam.

~ Bagi kursus yang tidak bercorak akademik, peluang harus dibuka untuk kemasukan peserta dari agensi awam atau tentera negara asing. Kursus yang melibatkan pengajian strategik mungkin boleh dihadiri oleh orang awam yang berpotensi untuk menjadi pakar strategi.

\* **Kepentingan Pengiktirafan.** Pengiktirafan merupakan aspek penting kepada warga tentera yang menghadiri kursus di dalam ATM. Ia bukan sekadar sekeping kertas yang biasa tetapi mengandungi seribu makna dan pengertian yang boleh menukar corak hidup seorang terutama setelah menamatkan perkhidmatan kelak.

\* **Pematuhan Kriteria.** Untuk mencapai satu kelayakan bagi memperolehi pengiktirafan, kriteria-kriteria yang telah dijelaskan perlu dipatuhi dengan tegas. Walau bagaimanapun usaha mendapatkan pengiktirafan mungkin satu proses yang rumit dan memerlukan komitmen berterusan dari semua pihak.

\* **Kawalan Mutu.** Institusi yang menawarkan pendidikan tinggi tidak boleh lari daripada perkataan ‘mengejar kecemerlangan’ dan ia selalunya dikaitkan dengan kualiti<sup>6</sup>. Begitu juga dengan ATM sekiranya mendapat pengiktirafan ke atas kursus-kursus yang dilaksanakan, kawalan mutu dari kaedah pengajaran, fasilitas, persekitaran pembelajaran, kelayakan tenaga pengajar, piawaian penilaian

penuntut dan sebagainya harus dititik beratkan agar setanding dengan pengiktirafan yang diterima.

\* **Halangan Pengiktirafan.** Terdapat beberapa halangan atau masalah semasa yang boleh menghalang proses pengiktirafan pada masa ini dan memerlukan reformasi pendidikan di dalam ATM sendiri. Proses reformasi ini perlu mengatasi masalah-masalah seperti kekurangan tenaga pengajar berkualiti dan berpengalaman, kandungan kursus yang perlu dirombak semula dan tempoh kursus yang perlu dikaji.

\* **Pilihan Pengiktirafan.** Terdapat beberapa opsyen untuk mendapatkan pengiktirafan seperti melalui MoU dengan IPT atau agensi tempatan mahupun luar negara. Penubuhan pusat pendidikan maya, pendidikan jarak jauh dan juga penswastaan kursus yang mana merupakan opsyen paling tidak ideal.

\* **Dasar Pendidikan Tinggi ATM.** Syarat kemasukan untuk sesuatu kursus perlu digubal dan dikemaskinikan. Berdasarkan piawaian yang dirumuskan, warga ATM boleh merancang dan membuat persediaan mental dan fizikal sebelum menghadiri sesuatu kursus yang berkualiti tinggi. Ini amat penting untuk memelihara kualiti kursus demi mendapatkan pengiktirafan sewajarnya dari pihak berkenaan.

\* **Perbandingan Dengan Institusi Tentera Luar Negara.** ATM boleh mengambil contoh daripada institusi luar negara yang telah sekian lama melaksanakan program yang diiktiraf oleh badan-badan tertentu di negara mereka. Banyak pengajaran yang boleh diperolehi dan memungkinkan satu resolusi yang

<sup>6</sup> John Stephenson, *Quality Assurance in Higher Education*, The New Wave University - A Prelude To Malaysia 2020 2nd, Edition Pelandok Publication, Feb 97.

lebih mantap dan jitu akan lahir dari segala pemerhatian dan kajian yang dilakukan terhadap institusi-institusi berkenaan.

Walaupun kebelakangan ini ATM begitu ghairah dengan program pengiktirafan kursus-kursus anjurannya, warga ATM sendiri perlu berpandangan jauh ke hadapan dan berwawasan. Apa yang sedang dilaksanakan sekarang adalah untuk satu masa pendek sahaja tetapi haruslah difikirkan juga kaedah-kaedah yang sesuai agar ATM sendiri bukan sahaja berupaya berdikari dan mendapat pengiktirafan malahan badan pengiktiraf untuk agensi lain suatu hari kelak.

### CADANGAN

Langkah untuk mendapatkan pengiktirafan kursus-kursus oleh ATM merupakan satu langkah yang terpuji. Sungguhpun begitu, matlamat yang harus ditekankan di sini ialah untuk menjadi satu organisasi yang diiktiraf sepenuhnya terutamanya kursus-kursus yang dilaksanakan dan diberi pula kepercayaan sebagai agensi untuk mengiktiraf. Matlamat ini kelihatan mustahil tetapi bak kata pepatah Melayu, '***hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih***', maka wajarlah kita menyahut cabaran tersebut demi menaikkan martabat ATM. Untuk mengiktiraf kursus-kursus di dalam ATM, satu kajian yang teliti perlu dilaksanakan untuk memahami konsep

pengiktirafan dan kriteria-kriteria yang perlu ada oleh sesebuah institusi bagi tujuan pengiktirafan.

Jenis pengiktirafan perlu dikenal pasti sama ada pengiktirafan akademik, pengiktirafan secara persefahaman atau pun pengiktirafan kemahiran tred. Program pengiktirafan untuk kesemua keperluan seharusnya dilaksanakan memandangkan ia merupakan aset berharga kepada setiap individu apabila menamatkan perkhidmatan kelak.

ATM juga perlu menjadi lebih proaktif dengan menjalinkan kerjasama dengan berbagai pihak yang boleh mendatangkan manfaat kepada kemajuan ATM. Kerjasama tersebut tidak seharusnya terhad di dalam negeri sahaja malah perlu dikembangkan ke merata dunia.

Dalam merealisasikan impian dan wawasan ini, kerjasama semua pihak dan penggembangan idea-idea yang kronik ada kalanya diperlukan. Idea yang dianggap mustahil mungkin akan menjadi satu hasil yang canggih dan agung yang dikagumi oleh semua pihak. Justeru itu semua pihak yang sayangkan ATM dan ingin melihat kemajuan berterusan haruslah menyumbangkan buah fikiran yang berasas. Sesungguhnya terdapat ramai cendekiawan di dalam ATM dan penggabungan mereka sebagai '*think tank*' akan melahirkan ATM berwajah baru dengan pengiktirafan kursus di dalam ATM tidak akan menjadi persoalan yang rumit lagi pada masa tersebut.

### BIBLIOGRAFI

MK ATM - Buku Panduan ATM KPA (Ajar), Peraturan Pentadbiran Pelajaran, 1997.

Roger W Little, Handbook Of Military Institutions, Sage Publication, Beverly Hills, California.

Principles and Philosophy of Accreditation, Website Commission on Colleges of Southern Association of Colleges and Schools, <http://www.sacsoc.org/COC/Sect1.htm>, 1998.

Dasar Mengenai Tempoh Kursus Pengajian. Pekeliling 8/1999, Lembaga Akreditasi Negara, 1999.

Mohd Shahrom Nordin, Lt Jen, Datuk. Army Academy To Drop Cadets Who Do Not Perform, STAR 9 Jul 00.

John Stephenson, Quality Assurance in Higher Education, The New Wave University – A Prelude To Malaysia 2020, 2nd Edition. Pelanduk, Feb 1997.

Shohaimi bin Abdullah, Lt Kol and Norazman bin Mohamad Nor, Mej . Armed Forces Academy: Centre of Excellence In Defence Technology, Research and Teaching, Sorotan Darat Jilid 2 Bil 34, Dis 99.

Website Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK), <http://www5.Jaring.my/nvtc/aktiviti.Htm>, 2000.



Kapt Mohd Fauzi bin Deris telah ditauliahkan ke dalam Kor Jurutera Elekrik dan Jentera Diraja (JLJD) pada tahun 1997. Beliau adalah bekas Putera Maktab Tentera Diraja dan telah menjalani latihan ketenteraan di 'National Defence Academy' (NDA) Jepun. Beliau adalah pemegang ijazah Kejuruteraan Mekanikal Sistem, kini bertugas di Markas Tentera Darat -Jabatanarah JLJ.

**'Operational readiness of the Malaysian Armed Forces is among my top priorities. Not only in terms of the new assets we have, but also how we operate as a force'**

**Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak  
Defence Minister**

# THE WAR FOR THE MIND OF MAN -

## The Grand Design

Lt Kol Amiruddin bin Hj Ismail

### INTRODUCTION

**W**hy the human race can't live in peace and enjoy the bounties and blessing God provides for our use and benefit in such abundance have always been a question that called for many answers. However, it was after reading a series of books on International Conspiracy that we realised the secret that wars and revolutions which scourge our lives, and the chaotic conditions that prevail, are nothing more or less than the effects of the continuing Satanic conspiracy. It started in that part of the universe we call heaven when Satan challenged the rights of God to exercise supreme authority. The Holy Quran tells us how the Satanic conspiracy was transferred to this world from heaven. Until we realise that our struggle is not with flesh and blood, but with the spiritual forces of darkness, the pieces of evidence gathered all over the world just didn't fit together and make sense.

**'The world is governed by very different personages from what is imagined by those who are not behind the scenes'.**

*Coningsby - Benjamin Disraeli*

Few people appreciate that Satan is the brightest and the most intelligent of the heavenly host, and because he is a pure spirit, he is indestructible. The Holy Quran tells us his power is such that he caused one-third of the most intelligent of the heavenly host to defect from God, and join him, because he claimed God's plan for the rule of the universe is weak and impractical because it is based on the premise that lesser beings can be taught to know, love and wish to serve him voluntarily out of respect for his own infinite perfection. The Satanic ideology states that might is right. It claims beings of proven superior intelligence have the right to rule the less gifted because the masses don't know what is best for them. This ideology is what we call totalitarianism today.

In order to prove this contention, the document published as 'The Protocols of the Learned Elders of Zion' must be studied carefully, keeping in mind that despite all arguments regarding their source and origin, they are undoubtedly and indisputably, 'The Scheme, the Long Range Plan, The Plot, The Conspiracy', by which a comparatively small group of men, who are immensely wealthy; extremely cunning;

and exceedingly influential, use GOLD, lies and deceits to subvert, and pervert, the human race. They use the promise of wealth, luxury and carnal pleasures to lure human beings away from God in order to subjugate them to the will of Satan.

To support the contention that the materialism of GOLD was used, long before the Christian era, to subvert human beings away from the worship of God, we have the story of the Golden Calf. To prove how successful the lure of Gold has been, we have the fact that today, more millions worship the '*Almighty Dollar*' and the '*Golden Sovereign*', than thousands worshipped the Golden Calf in the days of old.

In 1784 '*An act of God*' placed the Bavarian government in possession of evidence which proved the existence of the continuing Satanic (Luciferian) Conspiracy. Adam Weishaupt, a professor of Canon law, defected from Christianity, and embraced the Luciferian ideology, revised and modernised the age-old protocol designed to give the Synagogue of Satan ultimate world domination so they can impose the Luciferian ideology upon what remains of the human race by use of Satanic despotism.

The plan required the *destruction of all-existing governments and religions*. The objective was to be reached by *dividing the masses into opposing camps* in ever increasing numbers on political, racial, social, economic and other issues. The opposing sides were then to be *armed* and an *incident* provided which would cause them to fight and weaken themselves as they destroyed national governments and religious institutions.

## THE PLOT

In 1776, Weisphaupt organised the '*Illuminati*' to put the plot into execution. The word '*Illuminati*' is derived from Lucifer and means '*holders of the light*.' Using the lie that his objective was to bring about a **ONE-WORLD** government to enable men with proven mental ability to govern the world, he recruited about two thousand followers. His revised plan required his Illuminati to do the following things to help them accomplish their purpose:

- \* Use ***monetary and sex bribery*** to obtain control of people already occupying positions in high places in the various levels of **ALL governments**. Once an influential person had fallen for the lies, deceits and the temptations of the Illuminati, they were to be held in bondage by the application of political and other forms of blackmails and threats of financial ruin, public exposure and physical harms and even death to themselves and their loved ones.

- \* '*Illuminati*' on the faculties of universities were to recommend students possessing exceptional mental ability belonging to well bred families with international leaning for special training in internationalism. This training was to be provided by granting scholarships to those selected. They were to be indoctrinated into accepting the '*Idea*' that only a One World Government can put an end to recurring wars and tribulations.

- \* Influential people trapped into coming under the control of the

'Illuminati', and students who had been specially educated and trained were to be used as agents and placed behind the scenes of ALL governments as 'Experts' and 'Specialists' so they could advise the top executives to adopt policies which would serve the secret plans of the One-Worlders and bring about the ultimate destruction of the governments and religions they were elected or appointed to serve.

- \* The 'Illuminati' were to obtain **control of the press** and all other agencies which distribute information to the public. News and information was to be slanted so that the masses would come to believe that a One-World Government is the ONLY solution to the many and varied problems.

### THE 'ILLUMINATI'

The 'Illuminati' have their agentur in every country in the world. The agentur consist of men and women of all nationalities. They work to bring about a One-World Government either because they believe in it as the only solution to the present political, social and economic problems or because of the rewards they receive for serving the 'Illuminati'. These rewards consists of:

World War Three... stirs up between Political Zionist and the leaders of the Muslim World ...will destroy themselves while at the same time the remaining nations, once more divided against each other of this issue... into a state of complete exhaustion physically, mentally, spiritually and economically.

- \* Funds and influence to obtain leadership in politics, commerce or industry.
- \* Rapid promotions in the government's services.
- \* Publicity, prestige and honours in the Social Sciences.
- \* Wealth and social security in the luxury class.

It is frankly admitted that many outstanding citizens who have been made into agentur by the directors of the 'Illuminati' are blissfully ignorant that they are serving the cause of Satan. They have been sold on the idea for a One-World Super-Government. They have not delved into what is behind the promotion of such an idea.

The members of the 'Illuminati' are all internationalists, pure and simple. They give allegiance to no ruler except the head of the 'Illuminati'. They give loyalty to no nation or government. They have one goal. They intend to obtain absolute control of the wealth, natural resources and manpower of the entire world. In order to reach that goal, they divide the people of different racial groups, nationalities and religions against each other. They make them fight and weaken each other so they will subsequently be easy to subjugate. Then, when the time arrives for the 'Illuminati' to come out into the open, the conspirators will enforce their Satanic form of Despotism upon the people of the entire world.

The most important lesson to learn, by studying the details of the plan and phrases is

the fact that the directors of the plan admit that they will use anti-Semitism to serve their purpose. The directors of the conspiracy play no favourites as far as race or nationalities are concerned. They acknowledge that they have since 1773, used Darwinism, Communism and Zionism to further their secret and selfish ambitions. They boast that they will sit back behind the scenes and use their agentur, trained from birth, to act as '*adviser*' and '*specialist*' to do their bidding. History shows that the '*specialists*' and '*advisers*' of the '*Illuminati*' have been clever '*ill-advisers*'. They have succeeded in dividing the human race against each other so they could wend their way peacefully towards the day when they will come from under cover and say with certainty '*No earthly power or cunning can now prevent us putting our king upon his throne and introducing the rule of Satan*'.

### THE WAR OF IDEOLOGIES

In 1829, the '*Illuminati*' held a meeting in New York and those in attendance were informed that the '*Illuminati*' intended to unite the Nihilists and Atheist groups with all other subversive organisations into an international organisation to be known as Communism. This destructive force was to be used to enable the '*Illuminati*' to foment future wars and revolutions. Funds were raised to finance Karl Marx and Engels to write '*Das Kapital*' and '*The Communist Manifesto*'.

In accordance to Weisphaupt revised version of the conspiracy, the '*Illuminati*' were to organise, finance, direct and control ALL international organisations and groups by working their agents into executive positions AT THE TOP. Thus it was that while Karl Marx was writing the Communist Manifesto under the

direction of one group of '*Illuminati*', Professor Karl Ritter was writing the antithesis under the direction of another group so that those who direct the conspiracy AT THE TOP could use the differences in these two ideologies to start dividing larger and larger numbers of the human race into opposing camps so they could be armed and then made to fight and destroy each other, together with their POLITICAL and RELIGIOUS institutions. The work Ritter started was developed into Fascism and later into Nazism and used to enable the agents of the '*Illuminati*' to foment World War One and Two.

### THE BLUEPRINT FOR WORLD WARS

In 1840, General Albert Pike, a disgruntled officer accepted the idea of a One-World government and ultimately became head of the Luciferian Priesthood. He was tasked to work out the details of a military blue-print, for three world wars and three major revolutions which he considered would further the conspiracy to its final stage during the 20th century. Pike's plan was as simple as it has proved effective. He required that Communism, Nazism, Political Zionism and other international movements be organised and used to foment the three global wars and three major revolutions.

The First World War was to be fought so as to enable the '*Illuminati*' to overthrow the powers of the Czars in Russia and turn that country into the stronghold of Atheistic-Communism. The differences stirred up by the agents of the '*Illuminati*' between the British and German Empires were to be used to foment this war. After the war ended, Communism was to be built up and used to destroy other governments and weaken religions.

World War Two was to be fomented by using the differences between Fascists and Political Zionists. This war was to be fought so that Nazism would be destroyed and the power of Political Zionism increased so that the sovereign state of Israel could be established in Palestine. During World War Two, International Communism was to be built up until it equalled in strength that of united Christendom. At this point, it was to be contained and kept in check until required for the final social cataclysm.

World War Three is to be fomented by using the differences the agents of the 'Illuminati' stirs up between Political Zionists and the leaders of the Muslim world. The war is to be directed in such a manner that Islam and Political Zionism will destroy themselves while at the same time the remaining nations, once more divided against each other on this issue, will be forced to fight themselves into a state of complete exhaustion physically, mentally, spiritually and economically.

Can any unbiased and reasoning person deny that the intrigue is now going on in the Near, Middle and Far East and in most Muslim countries is designed to accomplish this devilish purpose? The point to drive home here is to bring about a realisation that the struggle that is going on is NOT of a worldly or temporal nature. It originates in that part of the universe we designate 'The Celestial World;' its purpose is to win souls of men from God almighty.

#### A SPIRITUAL REMINDER

The Holy Quran has stated that Satan, Lucifer or simply the 'Devil' knows he did wrong and knows that he was

